

## BAB KEDUA

### TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN BERKAITAN

#### PENDAHULUAN

Kemahiran membaca adalah satu kebolehan yang menjadi punca kepada pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai bidang. Penyelidikan yang telah dijalankan setakat ini menunjukkan pencapaian dalam bacaan mempunyai perkaitan dengan pencapaian dalam bidang-bidang pendidikan yang lain. Koh (1981:38) merumuskan bahawa kajian-kajian yang berkaitan dengan bacaan menunjukkan secara nyata kesan-kesan negatif akibat daripada kelemahan membaca seperti pencapaian rendah, kurang minat belajar dan rendah keyakinan pada diri. Justeru itu kepantasan dan kefasihan membaca yang lancar dan berkesan adalah merupakan satu proses yang tidak ada titik perhentiannya. (A. Samad Said, 1983:1-2).

Dalam bahagian ini akan dibincangkan perkara-perkara seperti berikut:

- A. Takrif Kemahiran Membaca.
- B. Kajian Berkaitan Dalam Bidang Bacaan.
- C. Landasan Teori Tentang Bacaan.
- D. Kelemahan Penggunaan Jawi Di Kalangan Pelajar.
- E. Metod Pengajaran Membaca Al-Quran.

- F. Matlamat dan Tujuan Pendidikan Al-Quran.
- G. Kajian Berkaitan Dalam Kemahiran Membaca Al-Quran.

#### A. TAKRIF KEMAHIRAN MEMBACA

Kemahiran membaca adalah kebolehan untuk mengenal dan membunyikan huruf, membatang suku kata serta memahami apa yang dibaca. Harris dan Sipay (1980:8) menyifatkan proses membaca sebagai satu proses mendapat interpretasi yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Seseorang itu akan dapat memahami apa yang dibacanya apabila berlaku interaksi antara pengamatannya tentang lambang-lambang yang dibaca, kebolehan berbahasa dan pengetahuan tentang alam sekeliling. Dallman (1960:19) menyatakan bahawa membaca melibatkan pemahaman dan interpretasi idea yang dilambangkan menerusi tulisan. Gibson (1966:16) pula menyatakan bahawa membaca adalah proses perwujudan komunikasi dan mendapat makna daripada lambang-lambang yang bercetak.

Dalam Pendidikan Islam ayat pertama yang diwahyukan adalah menyuruh manusia membaca. Membaca melibatkan proses mental yang tinggi, juga melibatkan proses pengenalan (cognition), ingatan (memory), pengamatan (perception), pengucapan (verbalization), pemikiran (reasoning), daya kreatif, dan psikologi (Langgulung, 1979:8).

Membaca ditinjau dari segi psikologi, melibatkan keseluruhan struktur mental manusia sebagai seorang individu. Oleh itu negeri yang maju menyediakan banyak kemudahan untuk membaca dan menggalakkan membaca kepada setiap individu tidak mengira peringkat umur.

Membaca juga mempunyai aspek sosial, iaitu proses yang menghubungkan perasaan, pemikiran dan tingkah laku seseorang manusia dengan individu yang lain. Pembacaan menghendaki adanya simbol yang dapat dibaca, iaitu tulisan. Tulisan menghubungkan pembaca dengan penulis, tanpa berhadapan. Dengan kata lain pembacaan adalah alat sistem perhubungan yang merupakan syarat bagi mewujudkan sistem sosial (Langgulung, 1979:8).

Untuk lebih jelas tentang membaca Marohaini (1989:4) menyatakan proses membaca dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Perlakuan membaca merupakan sebuah perlakuan yang susah untuk diperhatikan. Oleh sebab itu proses membaca menimbulkan pelbagai teori, namun begitu dua kemahiran utama dipersetujui berlaku dalam proses membaca iaitu kemahiran mengenal atau mengecam perkataan-perkataan dan kemahiran memahami apa yang dibaca.
- ii. Proses membaca memerlukan seseorang itu berfikir, merasai dan membayangkan isi-isi yang dibaca. Proses tersebut untuk memahami isi, maklumat, penerangan dan mesej yang hendak

disampaikan oleh penulis. Tujuan membaca ialah untuk berintraksi dengan apa yang dibaca dan mewujudkan hubungan dengan penulis.

- iii. Dalam proses membaca terdapat beberapa jenis susun tugas yang perlu dilakukan oleh pembaca. Susun tugas tersebut seperti yang berikut:
  - a) Mengecam atau mengenal lambang-lambang atau perkataan yang dilihat.
  - b) Mengaitkan lambang-lambang atau perkataan itu dengan bunyi atau makna.
  - c) Menterjemahkan makna perkataan-perkataan itu dengan mengaitkannya kepada apa yang telah sedia ada dalam kepala.
  - d) Mengumpul dan mencantumkan idea-idea, perkataan dan ayat-ayat sehingga menjadi sebuah idea yang lengkap.
  - e) Cuba menghuraikan atau menjelaskan idea-idea yang didapati kepada diri sendiri, kawan-kawan, guru-guru atau ibu bapa.

Berdasarkan susun tugas yang perlu dilakukan oleh seseorang dalam proses membaca, dapat disimpulkan bahawa membaca adalah satu proses yang memerlukan pemikiran aktif di kalangan pembaca. Penyelidik-penyalidik

seperti Artley (1966:79), Niles (1969:4), Russell (1972:132-141) dan Dechant (1974:375) bersepakat bahawa proses membaca memerlukan fikiran yang aktif.

Dechant dan Smith (1977:220) pula berpendapat, dalam mengajar bacaan kepada kanak-kanak, seharusnya diperkenalkan huruf demi huruf. Ini kerana pendekatan mengajar huruf demi huruf, membuatkan pembaca lebih peka dalam mengenal perkataan keseluruhannya.

Bloomfield dan Barnhart (1961:227) telah memperkenalkan pendekatan linguistik dalam pengajaran bacaan. Perkara yang ditumpukan di dalam pengajaran bacaan adalah hubungan yang rapat di antara perkataan sebagai simbol bertulis dan bunyi-bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf sebagai simbolnya. Walau pun linguistik yang dipelopori oleh Bloomfield tidak menekankan kepada bunyi fonem tunggal tetapi pola fonem di dalam perkataan ditekankan. Beliau telah menegaskan bahawa satu daripada pencapaian yang patut dicapai oleh pelajar sebelum mereka diajar membaca ialah kanak-kanak seharusnya diajar nama-nama huruf terlebih dahulu.

Fries (1963:230) dalam bukunya 'Linguistics and Reading' telah mencadangkan beberapa langkah dalam pengajaran bacaan. Antaranya ialah set pertama dalam tindak balas mengenal yang harus diperkembangkan di kalangan pelajar, iaitu huruf-huruf abjad yang harus dikenal sebagai bentuk-bentuk yang berbeza. Mengenal dan membezakan bentuk-bentuk grafem tidak

semestinya disertai dengan nama-nama huruf itu bagi bentuk tertentu. Walau bagaimana pun nama-nama huruf adalah mustahak dalam menentukan gerak balas mengenal huruf.

Bloomfield dan Fries mempunyai pendapat yang hampir sama iaitu pengajaran bacaan harus ditekankan kepada pola fonem di dalam perkataan atau pola ejaan bagi memperlihatkan bunyi-bunyi yang sama dan berbeza, seperti CAT - AT atau CAT- RAT.

Bloomfield dan Fries berpendapat bahawa huruf-huruf juga harus diajar terlebih dahulu kepada pelajar-pelajar, supaya dapat dikenal persamaan dan perbezaan bentuk huruf-huruf itu dalam mengenal perkataan. Nama-nama huruf adalah berguna bagi menolong menentukan sama ada pelajar-pelajar dapat mengenal perkataan.

Goodman dan Gray (1970) menganggap bahawa kanak-kanak itu sudah boleh membaca jika ia boleh menyebut huruf dengan bunyi atau namanya dengan betul. Goodman (1970) menegaskan pentingnya kanak-kanak itu memahami apa yang dibacanya. Gray pula berpendapat bahawa seorang kanak-kanak itu dikatakan boleh membaca ialah seorang yang bukan sahaja memahami maksud bahan yang dibaca tetapi berupaya mengaitkan benda yang dibaca dengan apa yang telah diketahuinya atau yang sedia ada dalam pengalaman pembaca. Gray dan Goodman telah membuat rumusan bahawa seorang yang boleh membaca sepatutnya boleh mengenal bentuk-bentuk huruf

dan perkataan, juga boleh mengaitkan bunyi-bunyi tertentu dengan huruf-huruf yang bergabung. Gray telah membahagikan kemahiran membaca kepada tiga peringkat, iaitu peringkat kemahiran asas (elementary skills), kemahiran pertengahan (Intermediate skills) dan kemahiran kefahaman (comprehensive skills).

Pengkaji bersetuju dengan teori-teori di atas, iaitu membaca memerlukan mengenal bentuk-bentuk huruf dan perkataan, juga memerlukan pemikiran yang aktif dari pembaca, supaya perkara yang dibaca dapat difahami oleh pembaca dengan cepat dan berkesan.

Untuk lebih jelas tentang kemahiran membaca dan proses membaca, pengkaji landaskan kepada teori-teori yang berkaitan dengan bacaan.

## B. KAJIAN BERKAITAN DALAM BIDANG BACAAN

Hasil laporan dan perbincangan umum tentang kelemahan membaca di kalangan pelajar, maka kajian demi kajian telah dibuat untuk meninjau masalah yang dihadapi dan mencari jalan menyelesaikan kelemahan tersebut. Banyak kajian tentang kepentingan membaca dan pengajaran bacaan telah dibuat kerana kepentingan membaca di dalam sistem persekolahan sekarang adalah penting dan dapat dibuktikan dengan jumlah penyelidikan yang begitu banyak terhadap bacaan. Dechant dan Smith (1977) menyatakan sejak kebelakangan ini banyak kajian yang telah dilakukan untuk memahami proses membaca. Penyelidik-penyelidik telah berusaha sedaya upaya untuk memahami apakah yang dimaksudkan dengan membaca, masalah-masalah

yang dikatakan oleh penulis dan memperolehi makna daripada hubungan kenyataan-kenyataan penulis. Pembaca berjaya mendapatkan makna yang dibayangkan atau mentafsirkan makna berkaitan dengan mesej.

Seterusnya Strain (1976), menjelaskan peringkat kefahaman 'aplikasi', pembaca menggunakan pengetahuan tentang apa yang diperkatakan oleh penulis (peringkat literal) dan pemahaman tentang kepentingan yang telah diperkatakan (peringkat interpretif atau inferens) untuk membuat aplikasi daripada kefahaman bacaan dan daripada idea baru yang diperolehi. Kefahaman bacaan di peringkat 'aplikasi' ini meliputi tingkah laku yang dijangka, hasil daripada bacaan kritikal dan bacaan kreatif.

Kenedy (1981:5) pula mentafsirkan proses membaca sebagai satu keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang yang mewakili bahasa atau perkataan) menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui, berdasarkan pengalaman lepas untuk memahami dan menerangkan maksudnya. Smith (1971, 1975) dan Johnson (1980:4) mentakrifkan membaca sebagai satu proses komunikasi dan proses kognitif kerana dalam perlakuan membaca berlaku pertukaran idea-idea di antara penulis dengan pembaca. Seorang tidak dikatakan membaca sekiranya ia tidak berjaya mendapatkan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam penulisannya.

Anderson (1971) menganggap bacaan sebagai satu proses mengenal dan menterjemahkan simbol-simbol bahasa yang kemudiannya melibatkan proses berinteraksi dengannya. Interaksi ini berlaku dalam bentuk seperti berikut:

- i. Penerimaan atau penolakan sesuatu idea yang dikemukakan.
- ii. Penghayatan bahasa itu sendiri.
- iii. Penyimpanan fakta-fakta.
- iv. Perasaan atau inspirasi.
- v. Memberi dorongan untuk membolehkan tindakan yang seterusnya diambil sama ada positif atau negatif.

Oleh itu membaca adalah satu proses yang kompleks. Dalam proses itu, pembaca merupakan seorang pengguna bahasa, mencuba sedaya upaya menyusun semula maklumat yang terkandung dalam teks yang dibacanya itu. Jadi agak tepat jika dikatakan bahawa membaca adalah satu proses kognitif yang wujud hasil daripada gabungan antara maklumat yang berpunca daripada teks dan maklumat yang berpunca daripada membaca.

Penyelidik telah menunjukkan bahawa untuk memahami teks yang bertulis, pembaca lebih bergantung kepada kandungan semantik dan kurang kepada unsur sintaksisnya. Beberapa kajian telah dijalankan untuk menunjukkan bahawa makna lebih kekal dalam ingatan jika dibandingkan dengan struktur ayat. Bransford dan Franks (1971) pernah menjalankan eksperimen yang menunjukkan pentingnya integrasi semantik. Pearson (1974-

75) dalam kajiannya mendapati kanak-kanak lebih mudah mengingati ayat yang kompleks, yang mengandungi makna yang jelas, daripada mengingati ayat yang senang tetapi tidak ada isi yang padu.

Beberapa orang ahli psikolinguistik yang lain telah juga menjelaskan pertalian yang erat antara maklumat yang berpunca daripada teks dan maklumat yang berpunca daripada pembaca. Antara mereka ialah Goodman (1970, 1973 dan 1978), tokoh dalam perspektif psikolinguistik. Beliau mengatakan bahawa proses membaca perlu dianggap sebagai proses interaksi antara pembaca dan bahasa yang bertulis. Menurut beliau, ini ialah kerana dalam proses membaca, pembaca sentiasa mencuba menyusun semula maklumat yang hendak disampaikan oleh penulis.

Manakala dalam proses mempelajari kemahiran awal pembacaan, kebanyakannya menyatakan, sebahagian besar berlaku sebelum anak-anak itu memulakan pembelajaran secara formal. Ini kerana pembacaan adalah satu proses bahasa yang berpanjangan. Cohen (1968) dan Chomsky (1972), mengatakan pembacaan adalah satu proses pembelajaran yang memerlukan asas bahasa yang kukuh. Manakala Dallman (1978), menyatakan perkembangan bahasa reséptif berkembang dengan pesatnya dalam masa enam tahun yang pertama. Peringkat umur enam tahun pertama merupakan peringkat umur yang paling genting dalam menentukan pola dan struktur bahasa seseorang itu. Tahap keupayaan dan penggunaan bahasa seseorang anak itu bergantung kepada minat, daya pemusatkan, corak komunikasi dan

Jenis interaksi yang didapati oleh anak-anak ini di rumah sebelum mereka memasuki sekolah atau didedahkan kepada pendidikan yang formal. Ini bermakna ibu bapa seharusnya menjadi model bahasa yang penting dan menentukan jenis bahasa yang akan digunakan oleh anak-anak, untuk menjadi asas kemahiran membaca di sekolah.

Kemahiran membaca asas perlu ditanamkan kepada anak-anak oleh ibu bapa sebelum mereka memasuki sekolah, supaya minat membaca berkembang di kalangan anak-anak, serta menunjukkan bahawa bacaan bukan sahaja satu cara mendapatkan maklumat-maklumat tetapi juga sebagai aktiviti rekreasi yang menguntungkan. Durkin (1964) telah menjalankan dua kajian tentang kanak-kanak yang mula membaca sebelum memasuki sekolah, mendapati kanak-kanak yang boleh membaca itu datang daripada keluarga yang selalu membacakan sesuatu kepada mereka. Ibu bapa tersebut dengan secara tidak langsung telah menanamkan minat membaca kepada anak-anak mereka.

Sebaliknya, Spache (1977) dalam kajiananya, mendapati bahawa kanak-kanak yang lemah dalam kemahiran membaca selalunya terdiri daripada kanak-kanak yang lemah, serta kemahiran pertuturan dan kebolehan berkomunikasi yang terhad juga. Kanak-kanak seperti itu pada amnya, datang dari keluarga yang tidak responsif terhadap keperluan perkembangan intelek kanak-kanak dan ibu bapa yang mempunyai kedudukan sosio ekonomi yang rendah.

Manakala Holmes (1929) dan Reed (1927) melaporkan bahawa terlalu ramai pelajar-pelajar yang gagal dalam gred satu adalah disebabkan mereka tidak boleh membaca. Para penyelidik ketika itu termasuk Holmes berpendapat bahawa kegagalan itu disebabkan pelajar-pelajar itu belum bersedia untuk belajar membaca, ketika mereka mula masuk ke alam persekolahan. Akibat daripada itu timbul beberapa cadangan mengenai kesediaan membaca di Amerika ketika itu.

Schulwitz (1977) pula menunjukkan bahawa kejayaan dalam pembacaan bergantung kepada pengalaman yang berbagai-bagai yang didapati oleh kanak-kanak semasa di rumah. Mengikut beliau:

".....pengalaman secara langsung yang didapati anak-anak di rumah menjadikan asas kemahiran pembelajaran yang berterusan, yang mana penting bukan sahaja dari segi pembentukan minat, tetapi juga dalam pembentukan konsep, perkembangan perbendaharaan kata dan bahasa yang mana menjadi asas bagi menentukan kejayaan permulaan pembelajaran bacaan".  
Schulwitz (1977:46).

Oleh itu ibu bapa sangatlah penting menyediakan suasana atau iklim pembelajaran yang sesuai di rumah untuk anak-anak mereka. Alam persekitaran yang sesuai menolong pembentukan kemahiran-kemahiran asas dalam pembelajaran, seperti menolong kanak-kanak memahami makna dan maksud perkataan yang didengarnya setiap hari; menolong kanak-kanak menggunakan bahasa pertuturan dengan berkesan (Khadijah Rohani, 1989:205).

Oleh kerana membaca, proses membaca serta kesediaan membaca penting, maka penyelidik seperti Smith, (1972) telah merumuskan kemajuan bacaan selama tujuh puluh lima tahun bermula dari tahun 1891 hingga tahun 1966. Beliau menyatakan minat yang ditunjukkan dalam menjalankan kajian bacaan secara saintifik telah bermula di Eropah dan German, dan sebahagian kecil daripada penyelidikan bacaan telah dijalankan di Amerika Syarikat. Pada tahun 1910 telah dilaporkan tiga puluh empat kajian telah dijalankan di England dan di Amerika Syarikat.

Smith (1972:3) telah membahagikan perkembangan penyelidikan dalam bidang bacaan kepada lima peringkat masa:

**i. Perkembangan dari tahun 1891 hingga 1910.**

Dalam jangka masa sembilan belas tahun di atas, para guru dan pendidik telah menggunakan bunyi huruf a, b, c dalam mengajar bacaan Bahasa Inggeris iaitu abjad fonetik. Sepuluh tahun selepas itu, Standard Reading series yang dicap dalam bentuk abjad fonetik telah dihasilkan.

**ii. Perkembangan dari tahun 1910 hingga 1925.**

Perkembangan penyelidikan bacaan dalam masa ini amat mengalakkan. Universiti Chicago telah mengetuai penyelidikan

dalam bacaan, di mana kajian dalam bacaan telah dijadikan sebagai satu bidang khusus. Antara hasil yang penting ketika itu ialah bahan ujian bacaan. Pada tahun 1910 Thorndike Scale telah dihasilkan. Pada 1915 The Gray Standardized Oral Reading Paragraphs dihasilkan. Amerika Syarikat sahaja, dari tahun 1910 hingga 1924 sebanyak 436 kajian dalam bidang bacaan telah dihasilkan.

### **iii. Perkembangan tahun 1925 hingga 1935**

Kemajuan dalam masa ini adalah lanjutan dari penyelidikan yang telah dijalankan sebelumnya. Sebanyak 654 kajian telah dihasilkan termasuk 35 disertasi ijazah peringkat kedoktoran. Kebanyakan kajian ditumpukan kepada bacaan pemulihian.

### **iv. Perkembangan dari tahun 1935 hingga 1950**

Penyelidikan pada masa ini telah berkurangan kerana Perang Dunia Kedua. Dari tahun 1934 hingga 1944, hanya 54 penyelidikan sahaja yang dihasilkan berbanding dengan 100 buah penyelidikan yang dihasilkan setiap tahun sebelum itu.

v. Perkembangan dari tahun 1950 hingga 1966

Perkembangan penyelidikan ketika ini ialah ke arah membaiki taraf hidup rakyat melalui pendidikan. Bacaan berkait rapat dengan pendidikan, oleh itu kerajaan Amerika Syarikat telah membuat peruntukan khas bagi membiayai penyelidikan dalam bidang bacaan, membeli bahan bacaan, memberi kemudahan serta bantuan kepada mereka yang ingin mendalami bacaan sebagai bidang khusus.

Bantuan dan galakan dari kerajaan, telah menyebabkan banyak buku siri bacaan diterbitkan berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Perkembangan yang pesat dalam bidang penyelidikan bacaan seperti yang diuraikan di atas, jelas menunjukkan kepentingan membaca di dalam pendidikan. Kajian demi kajian telah dijalankan untuk mencari jalan mengatasi kelemahan membaca di kalangan pelajar, kaedah-kaedah membaca yang berkesan, kemudahan-kemudahan membaca yang boleh dihasilkan dan bahan-bahan pengajaran yang harus disediakan supaya pelajar-pelajar akan mendapat faedah yang maksimum dari pengajaran bacaan (Dechant dan Smith, 1977:1).

Sehubungan dengan itu, Winch (dalam Smith 1977) telah menjalankan kajian eksperimental terhadap dua kumpulan kanak-kanak yang berumur antara 5 dan 5½ tahun yang belajar membaca dalam bahasanya dengan

menggunakan dua pendekatan, iaitu Pendekatan Fonetik dan Pendekatan Pandang dan Sebut. Hasil kajiannya menunjukkan kumpulan yang belajar membaca dengan Pendekatan Fonetik dapat menyebut perkataan dengan tepat, manakala kumpulan yang belajar membaca dengan Pendekatan Pandang dan Sebut pula boleh membaca dengan lancar. Kajiannya ini menunjukkan setiap pendekatan menghasilkan kebolehan yang berbeza, dan mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Atan Long (1970) dalam bukunya, telah membahagikan kaedah-kaedah pengajaran Bahasa Malaysia kepada dua, iaitu Kaedah Tradisional dan Kaedah Moden. Mengikut beliau, Kaedah Tradisional pula dibahagi dua, iaitu Kaedah Abjad dan Kaedah Sukukata. Manakala Kaedah Moden juga dibahagi dua: Kaedah Pandang dan Sebut dan Kaedah Fonik. Beliau mencadangkan pendekatan-pendekatan pengajaran bacaan yang digunakan mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

- i. Menitikberatkan perbendaharaan kata yang telah dikuasai oleh kanak-kanak secara lisan;
- ii. Mengemukakan bahan bacaan yang bermakna;
- iii. Menggabungjalinkan pelajaran bacaan dengan pelajaran lisan dan penulisan;
- iv. Menggunakan alat bantuan penguasaan bacaan seperti kad huruf dan sukukata;

- v. Menekankan pengamatan kumpulan-kumpulan perkataan dan rangkaikata yang lebih panjang selepas mahir dengan perkataan-perkataan;
- vi. Memberikan perhatian terhadap aspek kejiwaan kanak-kanak seperti memperkayakan tanggapan dan daya bayangan kanak-kanak dengan disertai bahan bacaan yang bergambar warna-warni serta aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan diri kanak-kanak.

Dalam kajian bacaan asas yang dijalankan terhadap murid-murid sekolah kebangsaan yang berumur antara 6 hingga 7 tahun, Atan Long (1966) telah mencadangkan agar pelajaran bacaan yang formal dijalankan setelah murid-murid didedahkan dengan kesediaan membaca di awal tahun. Dan bahan-bahan bacaan tambahan perlu diadakan bagi murid-murid yang lebih maju.

Terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia tentang bacaan, seperti kajian Zaidah Hj. Othman (1978) dan kajian Sofiah Hamid (1980) untuk mencari penyelesaian masalah bacaan di kalangan murid-murid sekolah rendah, namun masih belum ada kata putus yang mana satu kaedah yang paling cepat menolong murid-murid membaca.

Zaidah Hj. Othman dalam kajiannya telah membuat rumusan bahawa dalam pengajaran Bahasa Malaysia di peringkat awal, kemahiran-kemahiran asas bacaan perlu diperkuuhkan sebelum pengajaran membaca ayat dijalankan.

Kemahiran-kemahiran itu ialah seperti yang berikut:

- i. Menamakan huruf-huruf abjad atau membunyikannya;
- ii. Membunyikan sebilangan huruf-huruf abjad;
- iii. Membunyikan sukukata-sukukata dalam perkataan;
- iv. Menggabungkan bunyi-bunyi sukukata dalam perkataan.

Beliau mengatakan mengetahui bunyi-bunyinya adalah satu langkah penting dalam pengajaran bacaan Bahasa Malaysia di peringkat awal, kerana Bahasa Malaysia terbentuk daripada gabungan bunyi-bunyi sukukata.

Nampaknya hasil kajian Zaidah ini menyamai kajian yang telah dilakukan oleh Bloomfield dan Barnhart (1961) dan Fries (1963).

Isahak Haron (1979) telah mencadangkan satu pendekatan mengajar Bahasa Melayu kepada murid-murid Melayu peringkat awal. Kaedah yang dinyatakan oleh beliau berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i. Sistem ejaan Bahasa Malaysia adalah alphabetic dan fonemik, ertiinya ada hubungan yang rapat antara simbol huruf dan bunyi;
- ii. Sukukata perkataan Melayu adalah jelas;
- iii. Ciri-ciri yang baik dari kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan boleh digabungkan;
- iv. Murid-murid Melayu yang baru melangkah masuk ke darjah satu rata-rata telah pun mempunyai perbendaharaan kata Bahasa Melayu yang mencukupi untuk terus belajar.


Beliau menamakan kaedah ini sebagai Kaedah Gabungan Bunyi Kata, kerana ia menegaskan kepada gabungan terus kaedah fonik dengan kaedah seluruh perkataan dan ayat. Kaedah ini telah dipilih oleh Pusat Perkembangan Kurikulum sebagai satu daripada pendekatan-pendekatan bacaan yang dicadangkan dalam sukan pelajaran baru sekolah rendah (KBSR-3M) untuk pengajaran bacaan Bahasa Malaysia.

Penguasaan kemahiran membaca bergantung pada pendekatan seseorang itu belajar membaca. Sofiah Hamid (1980) telah membuat kajian mengenai perbandingan dua pendekatan pengajaran bacaan asas di peringkat tahun satu. Beliau telah membandingkan Pendekatan Terus Membaca (kaedah fonik) dengan Pendekatan Abjad Sukukata. Hasil kajiannya mendapati pendekatan Abjad Sukukata adalah lebih berkesan dalam pengajaran bacaan asas Bahasa Malaysia daripada Pendekatan Terus Membaca. Beliau mencadangkan agar latih-tubi menamakan dan membunyikan huruf-huruf abjad, gabungan huruf dengan bunyi adalah perlu kerap dilakukan untuk pengajaran bacaan yang menggunakan pendekatan abjad.

### C. LANDASAN TEORI TENTANG BACAAN

Kajian membaca Al-Quran ini berlandaskan kepada Teori Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kebolehan Membaca oleh Marasigan dan Villamin (1990:2).

Model ini menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehan membaca pelajar-pelajar adalah seperti dalam **Rajah 1** berikut:



#### **Faktor-faktor Yang Ada Pada Diri Pelajar (Pembaca)**


Faktor-faktor yang tergolong dalam kategori ini dapat dibahagikan kepada faktor-faktor seperti yang berikut:

- i. Faktor-faktor psikologi : minat dan motivasi, serta konsep diri;
- ii. Faktor-faktor persekitaran: persekitaran di rumah dan persekitaran di sekolah;
- iii. Faktor-faktor intelektual: kecerdasan pelajar, pengetahuan dan pengalaman sedia ada dan kebolehan bahasa;
- iv. Faktor-faktor fizikal: daya pendengaran, dan daya penglihatan.

Kajian tentang membaca Al-Quran ini penulis dasarkan kepada Model Villamin (1990) dan Model Bloom (1976) yang dibataskan kepada beberapa faktor pembolehubah bebas yang dipilih, iaitu faktor latar belakang keluarga melalui pendidikan ibu bapa, pendapatan dan tempat tinggal serta faktor kebolehan pelajar dalam tajwid, kebolehan dalam membaca dan menulis jawi, dan persekitaran sekolah yang penulis bataskan kepada aktiviti pembelajaran yang dirasakan mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran membaca Al-Quran.

Model Villamin (1990) di atas bersesuaian dengan Model Pengajaran dan Pembelajaran oleh Benjamin S. Bloom.

Bloom (1976) telah mengemukakan "Theory of School Learning" yang menggabungkan tiga pembolehubah utama, iaitu ciri-ciri pelajar, pengajaran dan hasil pembelajaran (learning outcomes) dalam satu model pembelajaran. Hubungan pembolehubah ini ditunjukkan seperti model berikut:

CIRI-CIRI PELAJARPENGAJARANHASIL PEMBELAJARAN

B.S. Bloom. (1976) Human Characteristics and School Learning. New York, Mc Graw. Hill.

### **Pecahan Model Kepada Kemahiran Membaca**

<u>Independant Variabel</u>	<u>Dependent Variabel</u>
Jantina      Sebutan Huruf	Kemahiran Membaca Al-Quran
Jantina      Tajwid Bertulis	Kemahiran Membaca Al-Quran
Jantina      Tajwid Bacaan	Kemahiran Membaca Al-Quran
Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	Kemahiran Membaca Al-Quran
Latar Belakang Pendapatan Keluarga	Kemahiran Membaca Al-Quran
Latar belakang Pendidikan Asas Al-Quran	Kemahiran Membaca Al-Quran
Kebolehan Pelajar Dalam Bacaan Jawi	Kemahiran Membaca Al-Quran

Mengikut Bloom (1976), berdasarkan modelnya, hasil pembelajaran dipengaruhi oleh tiga faktor utama:

- i.      Ciri-ciri pelajar
- ii.     Penyusunan tugas pembelajaran
- iii.    Kualiti pengajaran guru.

Bloom (1976) mengatakan ciri-ciri pelajar yang akan mempengaruhi pengajaran dan pembelajarannya di sekolah ialah tingkah laku kognitif dan ciri-ciri afektif pelajar. Kajian Coleman (1966), laporan Plowden (1967), Dave

(1963) dan Wolf (1966) memberikan bukti-bukti yang menunjukkan ciri-ciri pelajar dan latar belakang keluarga mempunyai hubungan dengan variasi dalam pengukuran pencapaian pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 50 peratus daripada variasi pencapaian pelajar mengenai sesuatu tugas pembelajaran adalah berkaitan dengan tingkah laku kognitif dan 25 peratus berkaitan dengan tingkah laku afektif. Sekiranya kedua-dua aspek ciri pelajar ini diambil kira, ia akan memberikan kesan sebanyak 60 peratus ke atas variasi pencapaian pelajar dalam pembelajaran sesuatu tugas pembelajaran yang baru Bloom (1976).

Di samping tingkah laku kognitif, pelajar-pelajar juga perlu mempunyai ciri-ciri afektif yang melibatkan sikap dan minat yang positif terhadap pembelajaran yang akan mempengaruhi aras motivasi pelajar untuk mempelajari tugas pembelajaran itu. Ciri-ciri afektif pelajar yang negatif dapat di atasi, sekiranya guru dapat menyampaikan pengajaran dengan baik. Walaupun begitu, kesan ciri-ciri afektif yang negatif ini agak sukar di atasi sekiranya pelajar itu telah mengalami kekecewaan dan pengalaman negatif berkaitan dengan persekolahan Bloom (1976).

Bloom (1976) percaya bahawa faktor penting yang mempengaruhi hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar di sekolah ialah kualiti pengajaran guru dan bukannya faktor-faktor yang di luar kawalan guru. Dalam hubungan ini Carroll (1963) telah memberikan penjelasannya mengenai konsep pengajaran

guru yang berkualiti. Mengikut beliau, kualiti pengajaran adalah merujuk kepada sejauhmana guru dapat mengoptimumkan cara persembahan pelajaran, penjelasan dan penyusunan unsur-unsur yang berkaitan dengan sesuatu tugas pembelajaran mengikut keperluan pelajar. Setiap tugas pembelajaran mempunyai turutan perkembangan serta perkaitan mengikut struktur yang tertentu.

Dalam pengajaran, guru mestilah merancang pengajarannya dengan mengambil kira struktur setiap subunit dalam sesuatu tugas (task) pembelajaran supaya menjadi mudah dan lebih bermakna.

### **Latar Belakang Keluarga**

Latar belakang keluarga memainkan peranan yang penting bagi memupuk kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar. Oleh kerana kemahiran membaca Al-Quran perlu dipelajari secara berterusan dan perolehannya bergantung pada daya usaha serta dorongan keluarga, maka faktor keluarga sangat penting untuk menentukan pencapaian pelajar dalam pembacaan Al-Quran.

Pada kebiasaananya seseorang pelajar itu akan memberi gerak balas yang lebih spontan dan bermakna jika mendapat dorongan yang kuat dari kedua ibu bapa. Ibu bapa seharusnya membekalkan bahan yang menarik untuk dibaca supaya dapat menarik minat anak-anak membaca. Malahan seringkali didapati bahan-bahan yang dianggap susah bagi peringkat kebolehan

membaca pelajar, dapat dibacanya dengan baik, hal ini berdasarkan keinginan dan minat pelajar untuk membaca (Marohaini Yusuf, 1989).

Begitu juga pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi serta dorongan keluarga untuk membaca akan dapat memberi gerak balas yang positif terhadap bahan-bahan bacaan dan kegiatan membaca. Justeru itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa dan guru-guru untuk sentiasa memberi dorongan, menyemai, dan memupuk minat membaca ke dalam diri kanak-kanak sejak awal-awal lagi supaya tabiat suka membaca menjadi sebatи dengan jiwa mereka (Marohaini Yusuf, 1989).

Begitu juga dalam membaca Al-Quran, minat pelajar perlu ditanam oleh ibu bapa se awal mungkin. Ini kerana ibu bapa adalah sebagai agen utama mendidik seseorang kanak-kanak. Ibu bapa bukan sahaja memelihara dan membesarkan anak-anak sebagai pewaris generasi, tetapi berperanan juga mewariskan nilai-nilai pendidikan dan kebudayaan sesebuah masyarakat itu. Penyampaian pendidikan secara tidak formal yang kanak-kanak perolehi daripada keluarga mereka adalah sebagai asas yang mencorakkan potensi semula jadi mereka. Peranan pendidikan formal hanyalah menyuburkan lagi potensi-potensi kanak-kanak itu secara lebih teratur selaras dengan falsafah dan objektif pendidikan sesebuah negara itu.

Dalam sebuah Hadith Rasulullah S.A.W. bersabda:

كُلُّ مُوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفُطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يَهُودٌ هُنَّا، أَوْ يَنْصَارِيَّةُ هُنَّا...  
أَوْ يَمْجِسَانِيَّةُ هُنَّا...

Maksudnya:

"Setiap bayi itu dilahirkan dengan fitrah (potensi semula jadi) yang baik. Ibu bapalah yang mencorakkan untuk menjadikan anak tersebut Yahudi, Nasrani, atau Majusi".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menjelaskan bahawa ibu bapa atau keluargalah yang memainkan peranan dalam mencorakkan potensi semula jadi kanak-kanak itu mengikut kemahuan mereka.

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar**

Dalam hubungan ini satu kajian telah dilakukan oleh Girad (1954) di negeri Perancis mengenai perhubungan antara kelas sosial ibu bapa pelajar dan peratusan pelajar yang masuk ke sekolah menengah. Data dari pengkajian itu nyata sekali menunjukkan bahawa semakin tinggi kedudukan sosio ekonomi ibu bapa pelajar, semakin besar kemungkinan anaknya masuk sekolah menengah, dan sebaliknya.

Hubungan antara pencapaian pendidikan dan status sosio ekonomi ibu bapa nampaknya sejagat. Satu penyelidikan oleh Ali Haji Mohamed berkenaan dengan masalah kecinciran di Pahang pada tahun 1972 menunjukkan bahawa kadar kecinciran di kawasan-kawasan miskin di luar bandar adalah jauh lebih tinggi daripada kadar di kawasan-kawasan bandar. Dalam hal ini kerap kali ibu

bapa dan guru juga disalahkan. Tuduhan yang biasa ditujukan kepada ibu bapa atau guru ialah bahawa mereka kurang berminat dan bersikap negatif terhadap pelajaran pelajar-pelajar ( Koh Boh Boon, 1981).

Berjaya atau gagalnya seorang pelajar dalam pelajarannya sudah tentu bergantung kepada berbagai-bagai faktor atau unsur mengikut Koh Boh Boon (1981). Mengikut Carroll (1963) terdapat unsur-unsur penting yang menentukan berjaya atau gagalnya pembelajaran seorang pelajar antaranya ialah pengajaran guru, peluangnya untuk belajar, serta dorongan dari ibu bapa.

Terdapat banyak penyelidikan yang telah dibuat untuk melihat kesan faktor sosial ke atas pencapaian pelajar-pelajar. Antaranya ialah faktor taraf sosio ekonomi ibu bapa yang meliputi taraf pendidikan, pendapatan keluarga serta kawasan tempat tinggal keluarga. Kajian yang dibuat oleh Musgrove (1966) menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap menentukan kehidupan anak-anak mereka. Persekutaran rumah tangga tempat kanak-kanak dibesarkan, mempengaruhi corak pendidikan mereka.

Biasanya dalam kemahiran membaca, ibu bapa yang mengambil berat tentang pendidikan anak-anak adalah ibu bapa daripada golongan yang berkemampuan di segi ekonomi, mereka berminat dan sentiasa memberi dorongan serta mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak, khususnya dalam kemahiran membaca. Mereka merasakan masalah kepada anak-anak mereka, jika anak-anak mereka lemah dalam membaca.

Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa taraf sosio ekonomi keluarga mempengaruhi prestasi pencapaian seseorang pelajar. Pelajar yang lahir daripada keluarga yang berada atau yang mempunyai status sosial yang tinggi biasanya mempunyai peluang-peluang yang lebih baik dalam mendapatkan kemudahan dan peralatan belajar, suasana rumah tangga yang lebih sempurna serta mendapat dorongan daripada ibu bapa. Sikap ambil berat ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak lebih, berbanding dengan kanak-kanak daripada kalangan keluarga yang mempunyai taraf sosio ekonomi yang rendah.

Namun begitu, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa kemiskinan bukanlah sebagai satu faktor utama menghalang kejayaan kanak-kanak dalam pelajaran. Ramai pelajar-pelajar yang telah berjaya memasuki pusat pengajian tinggi adalah berasal daripada keluarga yang tidak berada. Kejayaan mereka adalah hasil usaha yang bersungguh-sungguh serta mendapat dorongan yang kuat daripada kedua ibu bapa mereka. Nampaknya dorongan keluarga kadangkala mempengaruhi pencapaian kanak-kanak.

Dalam kajian ini, faktor latar belakang keluarga yang ditunjuk oleh indeks utama iaitu: taraf pendidikan keluarga, pendapatan, kawasan tempat tinggal serta dorongan daripada ibubapa untuk mengkaji sejauhmana mempengaruhi pencapaian pelajar dalam membaca Al-Quran.

Belum ada kajian-kajian yang khusus dibuat mengenai pengaruh latar belakang keluarga terhadap kemahiran membaca Al-Quran. Namun begitu,

beberapa kajian yang telah dibuat berkaitan dengan taraf sosio ekonomi keluarga dan pengaruhnya terhadap pendidikan kanak-kanak dapat dijadikan sumber maklumat yang ada kaitannya dengan kemahiran membaca Al-Quran.

Girard (1954) dalam kajiannya di Perancis mengenai pilihan ke sekolah menengah mendapati kanak-kanak daripada golongan buruh dan pertanian jauh ketinggalan dalam melayakkan diri untuk masuk ke sekolah menengah. Dua pertiga daripada pelajar-pelajar tersebut terpaksa berada sehingga umur 14 tahun di sekolah rendah, hanya satu pertiga sahaja yang layak masuk ke sekolah menengah ketika berumur sebelas tahun.

Kajian di atas disokong oleh kajian Douglas (1964) terhadap kanak-kanak di Britain yang mendapati ada perbezaan antara kanak-kanak daripada keluarga pekerja mahir dengan pekerja tidak mahir dalam mendapatkan pelajaran. Kanak-kanak daripada keluarga pekerja mahir mempunyai peluang yang lebih baik dalam memilih sekolah-sekolah yang bermutu berbanding dengan kanak-kanak daripada keluarga pekerja tidak mahir.

Ini menunjukkan kelas sosial mempengaruhi pelajar-pelajar dalam memilih sekolah yang bermutu oleh batasan-batasan yang berpunca daripada latar belakang keluarga. Morrison dan Mc Intyre (1973) menyatakan kebolehan kanak-kanak pada peringkat umur masuk sekolah, pencapaian di sekolah, umur berhenti sekolah adalah dipengaruhi oleh latar belakang keluarga.

Di Malaysia, daripada kajian-kajian yang telah dibuat mendapati keadaan yang sama wujud. Isahak Haron (1977) menyatakan terdapat korelasi yang bermakna di antara kanak-kanak daripada golongan latar belakang keluarga yang berbeza-beza dengan pencapaian mereka dalam pelajaran. Anak-anak daripada golongan keluarga kelas menengah membuktikan pencapaian yang tinggi berbanding dengan anak-anak dari keluarga yang berpendapatan rendah. Dengan pencapaian yang tinggi ini membuatkan anak-anak tersebut rajin dan berminat dalam pelajarannya.

Taha Ab. Kadir (1977) membuat penyelidikan mengenai persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah menengah, telah menunjukkan adanya pengaruh yang kuat antara berbagai-bagai pembolehubah rumah tangga atau latar belakang keluarga terhadap pencapaian pelajaran pelajar-pelajar.

Penyelidikan di atas disokong pula oleh kajian yang dibuat oleh Hussein bin Hj Ahmad (1979) mengenai pencapaian, persekitaran sosial dan ciri-ciri latar belakang pelajar-pelajar yang juga menunjukkan adanya korelasi yang bermakna antara pengaruh keluarga dengan kejayaan pelajar-pelajar dalam sekolah menengah rendah. Nampaknya pengaruh keluarga memainkan peranan dalam menentukan anak-anak berjaya atau tidak dalam pelajaran.

Morrison (1973) menyatakan sikap ibu bapa juga merupakan satu aspek yang menjadi faktor pendorong kepada proses pembelajaran dan kejayaan

pelajar-pelajar di sekolah. Sikap terhadap pelajaran ini meliputi minat, galakan dan aspirasi ibu bapa terhadap persekolahan anak-anak mereka. Jika sikap, minat dan dorongan itu baik, besar kemungkinan pencapaian pelajaran anak-anak itu akan tinggi pula.

Jawatankuasa Plowden (1967) juga mendapati bahawa aspek sikap ibu bapa terhadap persekolahan dan pelajaran anak-anak mempunyai kesan yang lebih besar berbanding dengan aspek-aspek lain. Aspek ini menjadi lebih penting lagi apabila anak-anak itu bertambah dewasa.

Rosen (1961) mengkaji tentang hubungan keluarga dengan dorongan pencapaian anak-anak di Amerika Syarikat, mendapati bahawa sikap ibu bapa dan keluarga memainkan peranan dalam membentuk dorongan ke arah pencapaian pelajar-pelajar di sekolah. Walau bagaimana pun aspek sikap ini akan memainkan peranan yang penting dalam menentu dan menggalakkan anak-anak mencapai pelajaran jika faktor-faktor sosio ekonomi (SES) dan persekitaran rumah tangga aman. Sebaliknya jika dilihat kajian yang dibuat oleh Lum (1969) mendapati kecerdasan adalah satu faktor yang memberi kesan dan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan tiga yang dikajinya, di samping terdapat faktor sosial dan faktor ekonomi. Faktor-faktor tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Taraf sosio ekonomi dan persekitaran rumah tangga.
- ii. Tahap pendidikan ibu bapa.
- iii. Sikap dan dorongan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak.

iv. Faktor kendiri / sikap kendiri.

Nampaknya Lum (1969) bersetuju bahawa kebanyakan ibu bapa pelajar-pelajar yang berjaya itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan mereka menunjukkan minat yang lebih terhadap pendidikan dan masa depan anak-anak.

Marimuthu (1971 dan 1975) berpendapat bahawa faktor sikap ibu bapa itu memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Kajian-kajian di atas, menunjukkan latar belakang keluarga mempunyai pengaruh ke atas pencapaian pelajar-pelajar.

### **Kualiti Pengajaran Guru Serta Sikap Guru**

Bloom (1976) percaya bahawa faktor penting yang mempengaruhi hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar di sekolah ialah kualiti pengajaran guru dan persekitaran sekolah. Terdapat banyak kajian yang berkaitan perlakuan guru dan kesan-kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam pendidikan di sekolah. Kajian-kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif mengenai sikap guru, nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar.

Staines (1958) dalam kajiannya mendapati guru-guru memikul tanggung jawab yang penting dalam menolong pelajar membentuk persepsi dan konsep

kendiri yang positif. Menurutnya guru yang bersikap mesra dan menerima pelajar, menjadikan pelajar menyatakan gambaran dirinya yang lebih positif. Ini diterima oleh Davidson dan Lang (1960) dalam kajian mereka mengenai persepsi murid terhadap perasaan gurunya dan hubungannya dengan konsep kendiri, pencapaian sekolah dan tingkahlaku pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar dengan perasaan guru terhadap dirinya. Sampel yang diambil adalah 89 lelaki dan 114 perempuan mengikut gred 4, 5 dan 6. Soalan-soalan yang dikemukakan ialah bagaimana tanggapan guru terhadap mereka dengan menggunakan 35 straits 3 skil poin, menggunakan senarai semak yang sama kepada subjek untuk menilai tentang dirinya.

Perkins (1957) telah menjalankan kajian ke atas 251 orang pelajar gred 4 dan 6 untuk melihat pengaruh sikap guru terhadap perkembangan personaliti pelajar. Dalam kajian ini beliau menggunakan alat ujian Perkins Q-Sort. Hasil yang didapati, pelajar dari gred 6 yang diberi perhatian lebih oleh guru adalah berperasaan lebih sensitif. Seterusnya kajian Perkins (1958) ke atas pelajar lelaki dan perempuan mengenai faktor yang mempengaruhi konsep kendiri pelajar-pelajar. Dalam hal ini didapati murid perempuan menyatakan konsep kendiri yang lebih positif dibandingkan dengan murid lelaki.

Manakala Rist (1975) pula membuat kesimpulan dalam kajiannya bahawa pengamatan pelajaran terhadap kendiri dan tingkahlaku pelajar bergantung kepada cara guru berurus dengan pelajar di dalam bilik darjah

tersebut. Beliau juga menekankan bahawa pernyataan pelajar tentang dirinya banyak bergantung kepada jangkaan guru mereka. Ini dapat dihubungkan dengan kajian yang dilakukan oleh Power (1971) yang mendapati bahawa kekerapan guru mengambil berat terhadap pelajar, mempengaruhi tingkah laku mereka, di mana pelajar yang sering diambil berat, merasakan diri mereka pandai berbanding dengan pelajar-pelajar lain di dalam kelas.

Chiam (1976) menjalankan kajian mengenai konsep kendiri ke atas 507 orang pelajar Tingkatan 4 di Kuala Lumpur. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan peranan guru adalah faktor yang dominan dalam mempengaruhi konsep kendiri pelajar berbanding dengan faktor lain.

Kajian-kajian yang dibuat serta beberapa penulisan yang diteliti mendapati sikap guru memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi konsep atau persepsi pelajar. Pelajar akan belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh sekiranya guru mengambil berat tentang diri mereka. Sikap begini mempengaruhi pencapaian mereka.

#### D. KELEMAHAN PENGUASAAN KEMAHIRAN JAWI DI KALANGAN PELAJAR

Mengikut kajian Ghazali Hassan (1982) mendapati bahawa kelemahan pelajar dalam kemahiran tulisan jawi disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. Tulisan jawi kurang diperlukan jika dibandingkan dengan tulisan rumi.

- ii Sistem penulisannya sukar dan tidak seragam cara penulisannya seperti terdapat banyak cara mengejanya.

Dapatan kajian di atas disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Amir Mohd Rashid (1991) yang mendapati tahap penguasaan kemahiran jawi di kalangan pelajar adalah rendah. Ini berlaku disebabkan persaingan dengan tulisan rumi yang diajar dan digunakan dalam banyak mata pelajaran lain di sekolah. Atas alasan inilah dikatakan pelajar lambat menguasai kemahiran jawi. Alasan ini disokong pula oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhamad bin Endut (1992) yang mendapati ramai pelajar yang lambat menguasai jawi disebabkan ia hanya diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja.

Abu Bakar As-Sidek seorang peserta Majlis Forum Hari Sastera di Kuantan menyatakan Kementerian Pendidikan tidak menitikberatkan tulisan jawi sejak pengenalan Kurikulum Lama Sekolah Rendah dan ini menyebabkan ramai kanak-kanak sekarang tidak dapat membaca jawi. Jika usaha tertentu tidak diambil dari sekarang ramai generasi muda tidak akan dapat membaca dan menulis jawi. (Berita Minggu, 18 Oktober, 1987).

Pandangan di atas ada kebenarannya, kerana Norlaila Sulaiman (1993) mendapati dalam kajiannya bahawa kedudukan pengajaran jawi yang tidak menentu dalam kurikulum sekolah telah menimbulkan masalah dan menjadi sebab kelemahan penguasaan kemahiran jawi di kalangan pelajar sekolah.

Awang Mohd Amin (1989) telah membentangkan dapatan kajiannya dalam sebuah forum yang bertajuk "Tulisan Jawi Ke arah Penggunaan yang Lebih Meluas Dan Berkesan" tentang punca-punca kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran jawi seperti berikut:

- i. Peruntukan waktu bagi pelajaran jawi tidak mencukupi.
- ii. Mata pelajaran jawi tidak termasuk dalam mana-mana peperiksaan rasmi seperti peperiksaan tamat sekolah rendah, peperiksaan SRP, SPM dan STPM.
- iii. Pelajar kurang berminat terhadap tulisan jawi kerana ejaan yang sukar, payah membentuk huruf, tidak masuk dalam peperiksaan dan kerana semua buku teks dalam tulisan rumi.
- iv. Ibu bapa juga berperanan dalam menentukan penguasaan dan pencapaian kemahiran jawi di kalangan pelajar.

Kelemahan dalam penguasaan jawi ada kaitan yang rapat dengan kelemahan dalam Pendidikan Islam dan dalam membaca Al-Quran. Ini kerana kebanyakan buku-buku teks Pendidikan Islam dicetak dalam tulisan jawi. Ini bererti jika pelajar tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi, pemahaman, penghayatan dan pencapaian mereka dalam Pendidikan Islam akan terjejas, dan minat mereka untuk mengikuti pelajaran Pendidikan Islam akan menurun, kerana mereka tidak boleh menulis dan membaca jawi.

Daripada pandangan dan kajian-kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kelemahan penguasaan kemahiran jawi di kalangan pelajar

disandarkan kepada beberapa faktor. Antaranya ialah faktor minat, sistem pendidikan yang berubah-ubah, kaedah pembelajaran dan bahan pembelajaran jawi, latar belakang pendidikan dan sosio ekonomi keluarga.

### **Kepentingan Menguasai Jawi**

Abdul Rahman Yop (1992) Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan dalam ucapan perasmian Majlis Penutup Pertandingan Seni Khat dan Membaca Jawi Sekolah-Sekolah Peringkat Wilayah Persekutuan telah menyatakan:

Kebolehan menguasai jawi merupakan satu kelebihan yang tidak seharusnya dipersia-siakan begitu sahaja. Kita harus memandang serius terhadap kemerosotan jumlah pelajar yang boleh menguasai bahasa itu. Semua pihak harus mempertingkatkan usaha supaya di masa akan datang bahasa jawi yang merupakan aset tunggal orang Melayu tidak pupus begitu sahaja.

(Utusan Malaysia, 20 Oktober 1992)

Daripada kenyataan di atas, menunjukkan telah wujud kesedaran daripada pelbagai pihak terhadap kemerosotan kemahiran jawi di kalangan pelajar di sekolah. Ini seperti pandangan yang disuarakan oleh tokoh pendidikan, Ungku Aziz:

Kementerian Pendidikan sepatutnya memulihkan tradisi pembelajaran tulisan jawi kerana usaha tersebut penting untuk memastikan tulisan jawi tidak terus pupus.

(Utusan Malaysia, 4 Mei 1994).

Pandangan beliau disokong oleh Khoo Kay Kim, yang menyatakan:

Tulisan jawi sememangnya penting menjadi satu pengetahuan, tidak sahaja kepada orang Melayu tetapi juga pada seluruh masyarakat Malaysia. Jika kita tidak menguasainya bererti kita tidak dapat mendalami pelbagai ilmu pengetahuan yang ditulis dan dikaji melalui penggunaan tulisan jawi.

(Utusan Malaysia, 4 mei 1994)

Awang Had Salleh juga berpendapat bahawa tulisan jawi akan hanya dapat diselamatkan dengan sokongan Kementerian Pendidikan dan berpendapat:

Adalah merugikan jikalau generasi akan datang tidak mengusai tulisan jawi.

(Utusan Malaysia, 4 Mei 1994)

Murid-murid Islam sangat perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi bagi membantu memudahkan mereka membaca Al-Quran dan memahami buku-buku agama yang kebanyakannya dalam tulisan jawi. Tambahan pula semua buku teks pendidikan Islam KBSR dan KBSM sekarang dicetak dalam ejaan jawi. Ini bererti jika pelajar-pelajar tidak menguasai ejaan jawi, pemahaman, penghayatan dan pencapaian dalam bacaan Al-Quran akan terjejas. Minat untuk mempelajari dan mengikuti bacaan Al-Quran akan berkurangan kerana mereka sukar mempelajarinya disebabkan oleh tidak boleh membaca dan menulis jawi.

Kemahiran jawi ini penting dikuasai oleh pelajar-pelajar kerana ia dapat membantu memudahkan pelajar mempelajari Al-Quran sepermula yang dinyatakan dalam falsafah tulisan jawi sistem MAPRA mengikut Hamdan (1993):

Tulisan jawi merupakan satu warisan bangsa Melayu yang dibina berdasarkan huruf-huruf Al-Quran yang dapat membantu pembelajaran Al-Quran.

Zainal Abidin Abdul Kadir (1991) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, berharap generasi kini yang bakal menjadi pemimpin generasi 2020 nanti akan terus menghargai tulisan jawi sebagai tulisan yang mempunyai nilai seni yang unik. Beliau juga menegaskan bahawa setiap umat Islam mesti boleh membaca jawi dengan baik kerana ia adalah tulisan Al-Quran.

Penyataan ini selaras dengan pandangan Pengetua Sekolah Islam di China, Mosa Jin Bao Ping (1994) yang menyatakan:

Amat sukar untuk menghayati Al-Quran jika seseorang tidak memahami tulisan jawi, walaupun tulisan Mandarin digunakan di sekolah-sekolah kerajaan di China, namun tulisan jawi dipelajari di madrasah-madrasah.

(Utusan Malaysia, 7 April, 1994).

Tegasnya dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran jawi di sekolah adalah sangat penting dalam usaha menyelamatkan dan meningkatkan

penguasaan jawi di kalangan generasi pelajar. Tambahan lagi dengan menguasai kemahiran jawi membantu pelajar-pelajar menguasai kemahiran membaca Al-Quran kerana huruf-huruf dalam ejaan jawi ada kesamaan dengan huruf-huruf dalam Al-Quran.

#### **E. METOD PENGAJARAN MEMBACA AL-QURAN**

Metod pengajaran membaca Al-Quran telah wujud dengan turunnya wahyu Allah yang pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui malaikat Jibril A.S. Untuk lebih jelas tentang metod pengajaran tersebut diuraikan metod-metod itu seperti berikut:

##### **Pengajaran Membaca Al-Quran Jibril Kepada Rasulullah S.A.W.**

Rasulullah S.A.W. telah menerima wahyu dari Allah melalui malaikat Jibril. Penurunan wahyu telah dilakukan kepada Rasulullah S.A.W dan baginda diperintah supaya mengikutinya. Al-Quran mula diajar kepada Rasulullah S.A.W. dengan menyebut "Iqra'" yang mana perkataan ini diulang oleh Jibril sebanyak tiga kali kepada Rasulullah S.A.W. dengan tujuan supaya baginda fasih menyebut dan terus dapat mengikuti bacaannya (Al-Buti, 1978:66).

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah melalui Jibril itu bukan hanya bacaan semata-mata, tetapi bacaan yang mesti diikuti dan difahami sepenuhnya oleh Rasulullah S.A.W. Ini jelas terbukti, apabila wahyu itu

diturunkan maka baginda sentiasa menggerakkan lidah dan bibirnya dengan membaca sehingga Allah menegurnya supaya jangan berbuat demikian. Ini kerana Allah telah memberi jaminan kepadanya untuk mengingati Al-Quran, dan membetulkan bacaannya. Allah juga telah memberi panduan kepada Rasulullah tentang cara-cara mempelajari dan membaca Al-Quran. Firman Allah:

لَا تُخْرِكْ بِيَهُ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّمَا يَنْهَا جَمِيعُهُ  
وَقُرْآنُكَ أَنْهَى

(Al-Quran, Al-Qiamah ayat:16-17)

Maksudnya:

Janganlah kamu menggerak-gerakkan lidahmu supaya segera membaca Al-Quran, sesungguhnya Kami menghimpunkan (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (di lidah kamu).

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1323)

Dan Firman Allah:

فَتَعْلَمَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ  
يُقْضَى إِلَيْكَ وَحْدَهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

(Al-Quran, Taha ayat:114)

Maksudnya:-

Maka Maha tinggilah Allah, yang menguasai seluruh alam, lagi yang benar (pada segala-galanya). Janganlah kamu (Wahai Muhammad) segera membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata, wahai Tuhanmu, tambahkanlah ilmuku.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:655)

Dan Firman Allah:

سَمِعْكَ فَلَا تَنْسِي

(Al-Quran, Al-A'la ayat:6)

Maksudnya:

Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibril), sehingga engkau (menghafalnya) dan tidak lupa.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1380)

Ayat-ayat di atas menunjukkan panduan dan cara mempelajari serta membaca Al-Quran yang diajarkan oleh malaikat Jibril kepada Nabi S.A.W.

Pada peringkat awal Jibril mengajar membaca sambil didengar dan diperhatikan oleh Nabi S.A.W.. Kemudian Nabi S.A.W. cuba untuk menerima dan mengingati perkara yang disampaikan supaya sebutan dan ingatannya kepada Al-Quran terus kekal. Namun begitu, mempelajari Al-Quran berbeza dengan mempelajari ilmu-ilmu lain, iaitu memerlukan petunjuk dan panduan dari Allah (Abdul Halim, 1991:78).

Berdasarkan panduan membaca Al-Quran yang telah diajarkan, Jibril telah membentangkan kepada Nabi S.A.W. pembacaan Al-Quran sekali dalam setahun dan dua kali dalam tahun kewafatan Nabi S.A.W. untuk semakan. Manakala Nabi pula membentangkan bacaannya kepada Jibril sekali pada setiap tahun supaya Nabi S.A.W. mendapat ketenangan dan berpuashati bahawa apa yang dihafaz dan diingatinya adalah tepat seperti yang diterimanya daripada Jibril A.S (Abdul Halim, 1991:78).

Daripada kenyataan-kenyataan di dalam Al-Quran dan penjelasan dari Rasulullah, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W. mempelajari Al-Quran melalui hafalan. Dengan cara hafalan, ulangan dapat dibuat untuk membetulkan bacaan di dalam hati supaya terus terikat pada lidah Nabi S.A.W.. Namun begitu, Nabi S.A.W. juga berusaha agar bacaan Al-Quran dapat kekal dalam bentuk tulisan. Usaha menulis Al-Quran dibuat oleh para sahabat Nabi S.A.W. kemudiannya (Abdul Halim, 1991:78).

### **Metod Pengajian Al-Quran Di Zaman Rasulullah S.A.W.**

Rasulullah S.A.W. adalah orang yang pertama mempelajari dan menghafal Al-Quran. Baginda juga menggunakan cara yang sama seperti yang diajarkan oleh malaikat Jibril, iaitu menyampaikan pula kepada para sahabat. Perbezaan metod antara Nabi dengan malaikat Jibril ialah Nabi S.A.W. menyuruh menulis ayat-ayat Al-Quran. Penulisan dibuat bertujuan untuk memudahkan hafalan (Abdul Halim, 1991:79).

Hasil daripada metod pengajian dan pengajaran demikian telah membolehkan para sahabat Nabi S.A.W. menghafal Al-Quran. Antara mereka yang terkenal menurut Abu Ubaid Ibn Sal'am ialah dari golongan Muhajirin terdiri dari Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Talhah, Sa'ad, Ibn Mas'ud, Salim bin Maqal (hamba kepada Abi Huzaifah), Huzaifah Ibn al-Yaman, Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-As, Abu Hurairah, Muawiyah Ibn Abi Sufian, Abdullah Ibn Zubair dan Abdullah Ibn Sa'ib. Manakala dari golongan Ansar pula terdiri dari Ubai Ibn Ka'ab, Mua'dh Ibn Jabal, Abi Darda', Zaid Ibn Thabit, Abu Zaid Majma' Ibn Jariyah dan Anas Ibn Malik. Manakala di kalangan isteri-isteri Rasulullah S.A.W. pula ialah 'Aishah, Hafsah dan Umm Salamah (Abdul Halim, 1991:78).

Kesemua nama yang disenaraikan di atas adalah mereka yang telah berguru secara langsung dengan Rasulullah S.A.W. di samping mempelajari dan menghafal Al-Quran. Manakala dari kalangan sahabat Nabi yang

mempelajari Al-Quran secara tidak langsung, tidak terkira bilangannya, terutama selepas kewafatan baginda.(Abdul Halim,1991:79).

Pengajian Al-Quran pada zaman para sahabat diteruskan dengan cara hafalan, seperti mana Rasulullah S.A.W. mula menerimanya daripada malaikat Jibril. Pengajian secara hafalan ini boleh menambahkan bilangan mereka yang boleh membaca dan menghafal Al-Quran dari masa ke semasa.

### **Metod Pengajaran Al-Quran Zaman Sahabat**

Pengajian Al-Quran menurut cara dan panduan yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. diteruskan pula di zaman para sahabat. Penerimaan pengajian Al-Quran secara hafalan ini didapati mendatangkan kesan yang sangat baik, terutama untuk melahirkan penghafal-penghafal Al-Quran. Mengikut Al-Sayuti dalam bukunya Tabaqatul Huffaz nama-nama sahabat yang telah dapat menghafal Al-Quran ialah sebanyak 124 orang sehingga ke tahun 147H, dan mengikut Ismail Muhammad Al-Hafiz (1989:4). Hassan Langgulung (1991:77) pula memetik dari Ibrahim al-Ibyari dalam ensiklopedia Al-Quran mencatatkan bahawa terdapat dua puluh empat orang penulis wahyu Rasulullah S.A.W. antaranya ialah Abu Bakar, Umar bin Al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Saad bin Abi Waqqas, Muawiyah bin Abi Sufian, Zaid bin Thabit, Khalid bin Al-Walid dan 'Amr bin Al-'As. Manakala kesemua Imam dari keempat-empat mazhab iaitu Abu Hanifah Al-Nu'man, Malik bin

Anas, Al-Syafi'i dan Ahmad bin Hambal adalah terdiri daripada golongan penghafal Al-Quran (Abdul Halim,1991:80).

Pengajian Al-Quran secara hafalan telah diwarisi oleh umat Islam sama ada di kalangan orang dewasa atau kanak-kanak. Ini jelas berdasarkan kenyataan mengenai Iman Syafi'i, di mana beliau mempelajari dan sempurna menghafal Al-Quran semasa berumur 10 tahun, dan dalam riwayat yang lain mengatakan ketika berumur tujuh tahun mengikut Abdul Halim ( 1991:80).

### **Pengajaran Al-Quran**

Mengikut Abdul Halim (1991:93) bahawa pengajaran Al-Quran pada zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat serta tabi'in boleh dibahagikan kepada lima kaedah seperti berikut: membaca, menulis, menghafal, memahami dan menghayati. Jadi kelima-lima kaedah inilah juga yang diperkenalkan dalam mempelajari Al-Quran kini. Mempelajari Al-Quran menerusi kelima-lima cara ini merupakan panduan dan bimbingan secara langsung dari Nabi S.A.W., dan Nabi S.A.W. menerima bimbingan daripada malaikat Jibril, dan malaikat Jibril pula menerima panduan dan bimbingan terus daripada Allah. Penjelasan tahap-tahap pengajaran tersebut adalah seperti berikut:

## Membaca, Menulis dan Menghafal

Mengikut Al-Quran bahawa asas mempelajari Al-Quran pada peringkat awal adalah dengan membaca. Ini dijelaskan juga oleh Abdul Halim (1991:93) dan Haron (1992:94). Membaca Al-Quran adalah Fardu Ain, iaitu wajib ke atas setiap individu muslim untuk mempelajarinya kerana ia berkaitan dengan kesempurnaan ibadat khususnya ibadat solat. Setelah individu itu dapat membaca dengan betul dari segi makhraj (sebutan) dan tajwidnya, maka digalakkan menulis. Ini kerana dengan menulis Al-Quran mendapat satu kemahiran, iaitu kemahiran menulis Bahasa arab, dan dengan kemahiran ini memudahkan seseorang untuk menghafal. Menghafal pula disaran dilakukan pada usia yang muda kerana pada usia ini lebih senang bagi seseorang untuk mengingat perkara yang dibaca, dan yang dihafalnya. Membaca dan menghafal juga merupakan metod pengajaran malaikat Jibril kepada Rasulullah S.A.W. kerana malaikat Jibril mengajar Nabi S.A.W. membaca Al-Quran dengan cara musyafahah, iaitu selepas dibaca dihafal bacaan yang diajarkan.

Malaikat Jibril mengajar Nabi dengan cara mengulangi bacaan sebanyak tiga kali sebelum diajar dengan bacaan seterusnya (Abdul Halim, 1991:82). Ini terbukti semasa turunnya ayat pertama, Nabi S.A.W. tidaklah digalakkan bergopoh-gapah dalam membaca dan menghafal, sebaliknya Nabi disuruh meneliti bacaan yang diajarkan, dan mengikuti bacaan malaikat Jibril. Setelah Nabi dapat membaca Al-Quran dengan betul dan tepat sebutannya, barulah bacaan itu dihafal dengan lancar sehingga ingat dan melekat dihati.

Abdul Halim (1991:82) dan Ismail Muhammad Al-Hafiz (1994:4) menyatakan dalam mengajar kanak-kanak membaca Al-Quran kanak-kanak mestilah digalakkan membaca dan menghafal secara latih tubi (drill), dan dibahagikan ayat-ayat untuk dibaca dan dihafal setiap hari mengikut kebolehan mereka. Apabila kanak-kanak tersebut berumur dua belas tahun, kanak-kanak yang dilatih telah berjaya membaca dan boleh menghafal Al-Quran.

Membaca dan menghafal adalah cara yang berkesan dalam pembelajaran Al-Quran dan digalakkan kepada semua umat Islam seperti yang disaran oleh Nabi S.A.W. :

*أشراف أمتي حملة القرآن*

(Riwayat Baihaqi)

Maksunya:

Orang-orang yang termulia daripada kalangan umatku adalah penghafal-penghafal Al-Quran.

### **Memahami Dan Menghayati Kandungan Al-Quran**

Pada peringkat awal lagi kanak-kanak sepatutnya didedahkan dengan memahami pengertian kandungan Al-Quran. Pada peringkat ini mereka perlu didedahkan kepada pengertian kandungan Al-Quran mengikut kemampuan dan

kebolehan mereka. Ini akan memudahkan kanak-kanak itu memahami dan seterusnya meminati Al-Quran sebagai Kitab Allah yang Maha Suci.

Mengikut Zainal Abidin (1990:25) mulai peringkat prasekolah lagi kanak-kanak perlu diajar ayat-ayat hafazan yang pendek serta dibaca ayat-ayat tersebut kepada mereka dengan pengertian ayat secara ringkas. Daripada pengertian ayat itu diceritakan pula kisah-kisah dan kelebihan-kelebihan ayat tersebut untuk difahami. Pengajaran yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut boleh mendorong kanak-kanak berfikir serta ingin menghayatinya.

Abdul Halim (1991:83) menyatakan bahawa Al-Quran mengajar umatnya, khususnya pada peringkat umur kanak-kanak dalam banyak aspek seperti cara beradab dengan ibu bapa, adab dalam rumah, dan hubungan dengan kawan dan jiran. Perkara ini mestilah disampaikan dan diajarkan kepada kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Ini adalah merupakan tugas kedua ibu bapa dalam mendidik anak-anak supaya menjadi anak yang mematuhi suruhan Allah bila mereka dewasa kelak.

Mengikut Abdul Halim (1991:80) dan Langgulung (1991:128) bahawa di peringkat menengah dan tinggi pula, pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan pengertian yang lebih luas dan sebab-sebab satu ayat itu diturunkan. Teknik penceritaan mengenai kisah-kisah dan fadhilat satu ayat atau surah itu perlulah menarik, di mana dapat dilihat oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Dengan cara ini mereka dapat berfikir tentang kebesaran Allah dan kejadian

makhluk Allah yang lain, dan mereka berazam untuk menjadikan pengajaran yang didapati dari ayat-ayat bacaan dan ayat-ayat hafazan itu sebagai panduan hidup yang akan membawa kepada keselamatan di dunia dan akhirat.

Jelaslah dalam pengajaran Al-Quran, kita bukan sahaja mengajar membaca, menghafal dan menulis tetapi kita juga melatih pelajar-pelajar supaya memahami pengertian dan menghayati Al-Quran.

### **Pengajaran Ilmu Asas Islam Berasaskan Al-Quran Dan Al-Sunnah**

Kanak-kanak dan setiap orang muslim wajib mempelajari ilmu-ilmu asas, iaitu ilmu Fardhu 'Ain (ilmu yang wajib dipelajari). Ilmu-ilmu ini perlu difahami sebelum mereka baligh, kerana apabila kanak-kanak telah baligh tuntutan pelaksanaan ke atas hukum itu dapat dilakukan dengan sempurna. Tiga cabang ilmu-ilmu asas yang mesti dikuasai oleh setiap muslim, iaitu aqidah, syari'ah dan akhlak, dan mestilah melalui sumber secara langsung dari Al-Quran mengikut Abdul Halim (1991:83) dan Langgulung (1991:398).

Al-Quran mengandungi hukum-hukum dan ayat-ayat yang menjelaskan tentang sifat-sifat Allah, ibadat, seperti solat, puasa, zakat, haji serta semua perbuatan yang dilarang oleh Allah. Di samping itu Al-Quran dan Al-Hadith menerangkan bidang akhlak, supaya pemikiran pelajar-pelajar dapat dikembangkan berdasarkan kehendak Al-Quran. Dalam memberi kefahaman ilmu asas kepada pelajar-pelajar berdasarkan Al-Quran seharusnya juga

didedahkan kepada mereka ayat-ayat dan Hadith yang berkaitan dengan akhlak Rasulullah S.A.W. yang mulia dan terpuji yang sesuai dengan peringkat umur pelajar-pelajar seperti yang dijelaskan oleh Abdul Halim (1991:84) dan Langgulung (1991:63). Ini adalah sesuai dengan firman Allah:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

bermaksud:

"Dan sesungguhnya engkau benar-benar memiliki akhlak yang agung"

dan hadith:

إِنَّمَا بَعَثْتَ لِأَنْتَم مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

(Bab Husnu Al-Khuluq, Ibnu 'Hanbal, 1991)

Maksudnya:-

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

### **Pengajian Di Peringkat Menengah**

Pengajian di peringkat sekolah menengah adalah lanjutan daripada pengajian sekolah rendah. Pada peringkat menengah pelajar-pelajar semestinya didedah dan diajar dengan ilmu-ilmu pelengkap. Maksud ilmu pelengkap ialah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang ilmu Fardhu Kifayah. Fardhu Kifayah adalah ilmu yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam, dan iaanya merangkumi pelbagai bidang, seperti perubatan, perniagaan,

mekanikal dan lain-lain lagi demi kepentingan umat mengikut Langgulung (1991:127).

Jadi dapat disimpulkan, bahawa seorang pelajar yang telah mengikuti pengajian Al-Quran dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah, mereka telah melengkapinya dua bidang ilmu, iaitu ilmu Fardhu Ain dan ilmu Fardhu Kifayah. Kedua-dua ilmu di atas juga boleh dibahagikan kepada ilmu-ilmu Syara,' iaitu ilmu yang berasaskan secara langsung dari Al-Quran dan Hadith dan ilmu-ilmu bukan syara', (al-ulum al-aqliyyah), iaitu ilmu yang Allah kurniakan ruang yang luas untuk manusia meneroka, iaitu ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kajian akal yang imperikal seperti kejadian langit, udara, bumi, lautan dan dasarnya mengikut (Langgulung, 1991:112-113) dan (Abdul Halim, 1991:84).

Mengikut Wan Salim (1989) dari segi teori dan pelaksanaan terhadap kajian ilmu akal tidak bercanggah dengan asas-asas akidah dan matlamat syariah. Ini kerana dalam Islam tujuan penerokaan ilmu ialah untuk memberi kesedaran kepada manusia tentang kebesaran Allah. Selain dari itu, ilmu akal juga boleh menggambarkan tentang kehebatan Allah dalam menyusun kejadian alam. Di samping itu juga untuk melahirkan kesedaran terhadap kepentingan kebaikan dan keselesaan hidup manusia, bukannya untuk kepentingan diri semata-mata atau untuk melawan hukum-hukum Allah. Jelaslah untuk mendapatkan ilmu yang betul, kita memerlukan panduan dan bimbingan daripada sumber yang sah iaitu Al-Quran dan Hadith. (Abdul Halim, 1991:85).

## **F. MATLAMAT DAN TUJUAN PENDIDIKAN AL-QURAN**

Muhammad Shaltut (1972:55) dan An-Nadawi (1982:89) menyatakan Pendidikan Al-Quran ialah pendidikan yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa.

Dalam konteks ini, Al-Jamali (1972:79) menyatakan bahawa matlamat Pendidikan Al-Quran ialah untuk membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang adil berdasarkan kepada kasih sayang, kasihan belas, persaudaraan, masyarakat yang boleh bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan Al-Quran.

Abdul Qadir Ahmad (1980:14) pula menyatakan matlamat pendidikan Al-Quran ialah untuk melahirkan individu yang soleh di dalam kehidupan di dunia dan untuk melahirkan individu yang beramal dengan ajaran-ajaran Islam supaya mencapai kebahagiaan di akhirat.

Langgulung (1987:1) menyatakan matlamat pendidikan sebagai alat untuk menentukan haluan pendidikan yang dapat dilihat melalui tiga peringkat iaitu, tujuan khas, tujuan am dan tujuan akhir. Apabila digunakan di dalam

kurikulum, ketiga-tiga peringkat tujuan itu mencakupi aspek-aspek tertentu dalam tujuan tersebut. Peringkat-peringkat ini tujuannya adalah seperti berikut:

- i. Murid-murid akan menguasai prinsip-prinsip ilmu tersebut (tujuan khas).
- ii. Murid-murid akan sanggup berfikir secara kritis (tujuan am).
- iii. Murid-murid akan mencapai kewujudan diri (tujuan akhir).

Samak (1980:20) menyatakan matlamat pendidikan Al-Quran dalam pelbagai peringkat pengajarannya adalah menuju arah kepada dua matlamat utama, iaitu maksudnya tersimpul dalam tujuan am dan dalam tujuan khas.

Abdul Jawad (1983:77-78) dalam kajiannya telah merumuskan tujuan am pendidikan Al-Quran kepada empat perkara:

- i. Dapat membantu diri dan masyarakat mempelajari ilmu pengetahuan yang wajib dipelajari, supaya bertambah ilmu dan mendapat tempat dalam masyarakat;
- ii. Membantu setiap individu mencari sara hidup dan menafkahkan harta bendanya untuk diri dan orang lain;
- iii. Supaya manusia minat menuntut ilmu;
- iv. Supaya manusia berfikir kritis.

Ini adalah sebahagian matlamat umum Pendidikan Al-Quran yang telah digariskan oleh ahli-ahli pendidik masa kini.

Tujuan utama Pendidikan Al-Quran pula adalah untuk menanam akidah ke dalam jiwa manusia serta membimbing manusia ke arah hidayah dan petunjuk Allah. Dalam konteks ini Al-Quran mengemukakan prinsip-prinsip yang praktik sama ada di dalam urusan duniawi atau ukhrawi. Al-Quran merupakan penyelesaian segala masalah meliputi setiap aspek kehidupan. Abdul Hayei (1981:13) membahagikan Pendidikan Al-Quran kepada tiga bidang seperti berikut:

- i. Bidang aqidah iaitu bertujuan membersihkan jiwa manusia dari kekotoran syirik;
- ii. Bidang akhlak iaitu bertujuan mendidik manusia supaya bertanggungjawab terhadap tugasnya, dan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran;
- iii. Bidang hukum yang berhubung dengan masalah individu, masyarakat dan perkara-perkara yang berkait dengannya.

Imam Al-Ghazali (1988:78) menegaskan mempelajari Pendidikan Al-Quran merupakan fardhu ain ke atas individu muslim. Kewajipan beriman dengan Al-Quran merupakan satu daripada Rukun Iman dan setiap muslim mukallaf (yang dipertanggungjawabkan) wajib beriman dengan Al-Quran. Ini kerana keadaan manusia ketika dilahirkan adalah dalam keadaan tidak mengetahui (bodoh) dan perlu kepada bimbingan dan petunjuk daripada Allah. (Shahrliman Zaini, 1982:153). Ini juga telah dibuktikan oleh firman Allah:

وَاللهُ

أَخْرِجْكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ  
لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْتَدَ لَعَلَّكُمْ شَكُورُونَ

(Al-Quran, An-Nahl ayat:78)

Maksudnya:

Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui suatu pun, dan ia mengurnlakan kepada kamu pendengaran, penglihatan serta hati (akal fikiran) agar kamu bersyukur.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:530)

Ayat di atas menyuruh manusia mengkaji akan kebesaran Allah dalam segenap bidang melalui penglihatan (membaca), pengamatan dan fikiran supaya menjadi jelas kepada manusia betapa penting Pendidikan Al-Quran dan kebesaran Allah.

Perbincangan di atas menunjukkan mengkaji Pendidikan Al-Quran dari pelbagai sudut adalah penting untuk mengetahui kandungannya, serta meletakkan nilai yang wajar di dalam kehidupan manusia. Pendidikan Al-Quran juga bertujuan sebagai pedoman dan panduan di dalam segala urusan kehidupan, kerana kehidupan tanpa Al-Quran akan terus menderita, sengsara dilanda pelbagai krisis dan sentiasa dikunjungi bermacam-macam masalah yang kian hari semakin parah (Wan Salim Wan Mohd Nor, 1988)

Oleh itu Al-Tamimi dan rakannya (1985:28) menyatakan bahawa sumber Pendidikan Islam ialah wahyu Allah dan Hadis Rasulullah S.A.W. (Al-Quran dan Hadis). Ini disokong oleh Al-Jarisyah (1986:156) bahawa sumber pendidikan Islam ialah Al-Quran dan Hadith.

Qutb, Muhamad (1983:11-18) menyatakan kualiti insan yang soleh yang dikehendaki oleh pendidikan Al-Quran adalah seperti berikut:

- i. Manusia yang beriman kepada Allah dan membersihkan dirinya dari sebarang unsur syirik.
- ii. Manusia yang memiliki akhlak yang mulia adalah ibarat buah daripada iman yang sahih dan amal yang soleh.

Tujuan Pendidikan Al-Quran menjurus kepada matlamat hidup manusia itu sendiri yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

(Al-Quran, Az-Zariyat ayat:56)

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1158)

Dariuraian di atas, jelas menunjukkan tujuan dan matlamat Pendidikan Al-Quran adalah untuk mendidik manusia dari segi rohani, jasmani, dan akal. Untuk mencapai matlamat ini, penglibatan mereka dalam pengajian Al-Quran mestilah jelas dari segi matlamatnya dan cara pelaksanaan seperti yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W., iaitu bermula dengan membaca Al-Quran, memahaminya, dan akhirnya menghayati Al-Quran.

#### **G. KAJIAN BERKAITAN DALAM KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN**

Abdul Halim (1991:93) menyatakan membaca Al-Quran adalah membaca Kalam Allah S.W.T. yang mesti dibaca dengan betul dari segi makhraj dan tajwidnya supaya tidak terpesong pengertiannya. Tuntutan kepada kemahiran membaca Al-Quran merupakan tuntutan Fardhu Ain iaitu kewajipan ke atas setiap individu muslim yang mesti dilaksanakan kerana kesempurnaan bacaan Al-Quran itu ada hubungan rapat dengan tuntutan kesempurnaan ibadah solat.

Ismail (1985) mengatakan membaca Al-Quran adalah tidak sama dengan membaca buku-buku lain kerana membaca Al-Quran memerlukan faham maksud ayat dan perlu meneliti, memerhati dan mengkaji sedalam-dalamnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh ulamak-ulamak tafsir dahulu. Mereka mengkaji dan menyelidiki lafaz-lafaz dan maksud ayat sehingga dapat mengeluarkan kaedah-kaedah yang penting. Ini menunjukkan bahawa kitab

suci Al-Quran itu adalah kitab yang perlu dibaca, difahami dan diteliti hukum-hukum yang terkandung di dalamnya serta dihayati dan diamalkan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Ini berpandukan ayat Al-Quran:

وَإِنْ هَذَا أَصْرَاطٌ مُّسَيَّقَاتٍ بِعَوْهٖ وَلَا تَتَبَيَّعُوا السَّبِيلَ  
فَلَفَرَقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ يَهُ لَعَلَّكُمْ

تَتَقَوَّنَ

(Al-Quran, Al-An'am ayat:153)

Maksudnya:

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya, dan jangan kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan yang lain itu mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwah.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:267)

Membaca Al-Quran bermaksud membaca Kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhamad S.A.W. dengan perantaraan malaikat Jibril yang ditulis dalam mashaf yang disampaikan kepada kita dengan cara mutawatir dan menjadi ibadah setiap orang yang membacanya (Mohd Ali, 1991, & Haron Din, 1992: 93 ).

Perkataan membaca itu dalam bahasa Arab ialah ( قرآن ) yang bererti membaca dan nama terbitannya ( قراءة ) seerti dengan perkataan ( قرآن ) bererti bacaan, mengikut Fuad Ifraan Al-Bustani (1986) dan Haron Din (1992:92). Firman Allah:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ رُوْشُرُ أَنَّهُ ۚ فَإِذَا قَرَأَنَّهُ فَانْتَهَىٰ ۖ قَرْءَانُهُ ۚ

(Al-Quran, Al-Qiamah ayat:17-18)

Maksudnya:

Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu), oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1323)

Berdasarkan ayat di atas, Al-Quran dapat diertikan dengan makna bacaan. Pengertian ini juga telah dikemukakan oleh para ulamak agar ia dapat dijadikan bahan bacaan dan sentiasa dibaca oleh semua umat manusia terutama oleh mereka yang beragama Islam. Sesuai dengan wahyu pertama yang disampaikan oleh Jibril A.S. kepada Nabi Muhammad S.A.W. iaitu Iqra', yang juga perintah membaca mengikut Munawar Khalil (1952) dan Haron Din (1992:92).

Mengikut Haron Din (1992:92) dan kitab-kitab yang muktabar terdapat pelbagai nama yang diberi oleh Allah kepada Al-Quran, seperti: Al-Kitab, Al-Mashaf, Al-Furqan dan Az-Zikr. Nama-nama tersebut mempunyai erti seperti berikut:

- Al-Quran : Bacaan
- Al-Kitab : Buku atau kitab (untuk dibaca)
- Al-Mashaf : Kitab untuk dibaca
- Al-Furqan : Yang membezakan antara baik dan buruk. Hal itu tidak diketahui melainkan dengan membaca.
- Az-Zikr : Peringatan di mana didapati dengan membaca dan memahaminya.

Sebagai kesimpulannya, nama-nama Al-Quran keseluruhannya memberi makna membaca. Oleh itu pengajian membaca, meneliti, mengetahui isi kandungan, memahami dan menghayatinya adalah tuntutan ke atas umat Islam lelaki dan perempuan.

Membaca Al-Quran adalah satu tuntutan agama, kerana membaca Al-Quran boleh membentuk akhlak individu yang mulia dan peribadi yang tinggi. Ini dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dalam Muqaddimah (Tanpa tarikh: 506) dan Abdul Haye Abdul Shukur (1981:12) yang mengatakan Al-Quran itu perlu dipelajari oleh kanak-kanak pada peringkat awal kerana Al-Quran akan memupuk benih-benih kelmanan di dalam jiwa kanak-kanak.

Membaca Al-Quran bukanlah seperti membaca karya ciptaan manusia. Karya ciptaan manusia jika dibaca pembacanya dapat menambahkan pengetahuan dan maklumat sahaja, tetapi membaca Al-Quran pembacanya

dapat memahami isi, menambahkan pengetahuan dan maklumat serta mendapat pahala yang banyak daripada Allah. Ini dijelaskan oleh sabda Nabi S.A.W.:

عن أَيُوبَ بْنِ مُوسَى قَالَ : سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ كَعْبَ الْقَرَاظِيَّ  
قَالَ : سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودَ يَقُولُ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ قِرْأَةِ حُرْفٍ مِّنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ  
حَسَنَةٌ ، وَالْحَسَنَةُ بَعْشَرَ أَمْثَالَهَا ، لَا أَقُولُ الْأَمْ حُرْفٌ  
وَلِكُنَّ الْفَ حُرْفٌ وَلَامُ حُرْفٌ وَمِيمُ حُرْفٌ .

Maksudnya:

Daripada Ayyub bin Musa, ia berkata, aku telah mendengar Muhammad bin Kaab al-Qurazi, ia berkata, aku telah mendengar Abdullah bin Mas'ud berkata "Rasulullah telah bersabda, sesiapa yang membaca satu huruf dari Kitab Allah, baginya kebaikan, iaitu sepuluh kebaikan. Aku tidak bermaksud (الْأَمْ) satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.

(Riwayat Tarmizi)

Banyak hadith-hadith Nabi S.A.W. menerangkan keutamaan membaca Al-Quran. Di antaranya hadith yang bermaksud: Yang paling utama ibadah umatku ialah membaca Al-Quran. Manakala dalam riwayat lain menyatakan: Orang yang paling berbakti antara manusia ialah orang yang lebih banyak membaca Al-Quran. Sabda Nabi S.A.W. :

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكَرَامِ الْبَرِّ وَالَّذِي يَقُولُ الْقُرْآنَ  
وَيَعْتَنِي فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌ لَهُ أَجْرٌ .

(Riwayat Muslim, Kitab Sahih Muslim, bab fadhilat Hafizul Al-Quran)

Maksudnya:

Pembaca Al-Quran yang lancar (kerana hafaz dan betul tajwidnya), mereka adalah bersama-sama malaikat yang mulia, manakala pembaca Al-Quran yang tergagap-gagap sedang ia mengatasi juga kesukarannya itu, adalah untuknya dua pahala (pahala membaca dan pahala kesusahan membaca).

Hadith riwayat Al-Baihaqi pula bermaksud: Pembaca Al-Quran yang mahir adalah memperolehi pahala yang besar, kedudukannya hampir dengan malaikat muqarrabin (terhampir dengan Allah) mengikut Abdullah Al-Qari (1979). Berdasarkan hadis-hadis di atas jelaslah membaca Al-Quran adalah penting kerana membaca Al-Quran ialah membaca kitab petunjuk yang menjanjikan hidup bahagia kepada orang yang beriman, dan yang patuh kepada pengajarannya. Membaca Al-Quran adalah sebagai zikir sambil mendalami pengajarannya di hati.

Orang yang beriman tentu mengetahui hikmat membaca Al-Quran, dan sedar tentang kelstimewaananya daripada segala kitab. Huruf dan kalimatnya tidak menjemukan pendengaran. Manakala maknanya menggerakkan hati dan membuka fikiran untuk berbakti serta mengubah pandangan hidup ke arah berusaha melipatgandakan amal kebaikan di dunia ini. Ini dijelaskan oleh firman Allah dalam Surah Sad (صَدَّ) ayat 29 :

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَتَبَرَّكَ بِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

(Al-Quran, Sad ayat:29)

Maksudnya:

(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan dia kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad) Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:991)

Bacaan Al-Quran boleh juga dipanggil dengan nama-nama berikut:

- i. At-Tilawah (التلاؤة)
- ii. At-Tartil (الترتيل)
- iii. Al-Qiraah (القراءة)

At-Tilawah ialah membaca dengan sebutan yang betul di samping memikirkan makna serta memahami maksud dan pengajaran daripada ayat-ayat yang dibaca. Manakala At-Tartil ulamak telah memberi takrif seperti berikut:

- i. Membaca secara tenang dengan melahirkan segala huruf mengikut sebutan (makhraj) huruf yang betul di samping mengamati makna dan kandungan yang tersirat di dalamnya.

- ii. Mengikut Imam An-Nawawi (1968:8) mengelokkan sebutan huruf-huruf Al-Quran mengikut lajhah (pelat) Arab dengan melambatkan bacaan di samping menjaga peraturan-peraturan berhenti (waqaf) dan memulakan bacaan (ibtida'). Berpandukan Sabda Nabi S.A.W. :

اَفَرَأَوْ الْقُرْآنَ بِلَهُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا، وَإِيَّاكُمْ وَلَهُونَ أَهْلِ  
 الْكِتَابِينَ وَأَهْلِ الْفِسْقِ، فَإِذْهُ يَسْجُنُ بَعْدِي قَوْمٍ يَرْجِعُونَ يَا الْقُرْآنَ تَرْجِيعَ  
 الْفِنَاءِ وَالرَّهْبَانِيَّةِ وَالنَّوْحِ، وَلَا يَجُوازُ نَرْجِعَاهُمْ قُلُوبُهُمْ، وَفَلَوْبُ  
 مَنْ يَعْجِبُهُمْ سَائِنِمْ

(Riwayat Al-Tabarani)

Maksudnya:

Bacalah Al-Quran mengikut kebiasaan sebutan orang-orang Arab dan awasilah daripada mengikut gaya bacaan orang-orang fasiq dan orang-orang jahat, kerana suatu masa selepas nanti ada orang yang membaca Al-Quran semacam nyanyian, membuat lagu seperti lagu-lagu padri dan peratapan tidak melangkau (melepas) halkum mereka. Sedangkan hati mereka terpedaya, begitu juga hati mereka yang merasa kagum dan terpesona dengan kebolehan mereka.

Al-Qiraah pula memberi maksud sesuatu yang dibaca secara berulang-ulang. Nama ini diberi kerana Al-Quran itu sebuah kitab suci yang paling banyak sekali dibaca oleh manusia di atas muka bumi ini (Ishak, 1988:15).

Mengikut sebahagian ulamak yang lain, bacaan Al-Quran dibahagi kepada empat cara membacanya seperti berikut:

- i. At-Tahqiq iaitu bacaan yang terang dan tidak bergopoh gapah, dengan tujuan mengajar dan menghayati kandungan dan mengawasi hukum hakamnya.
- ii. At-Tartil iaitu bacaan yang tenang tidak bergopoh gapah (bukan tujuan mengajar) dengan mengawasi hukum dan menghayati kandungannya.
- iii. At-Tadwir iaitu bacaan yang sederhana (tidak terlalu cepat) dan mengawasi segala hukum tajwid.
- iv. Al-Hadar iaitu bacaan yang cepat serta mengawasi segala hukum tajwid. (Nota Kuliah Kursus Tilawah Al-Quran, (1990:123) dan Ishak Abas (1988:16) dan Buku Panduan Pendidikan Islam terbitan Jemaah Nazir, (1992:31).

Mengikut ulamak membaca Al-Quran yang diajarkan kepada umat manusia dalam tujuh bentuk (corak) bacaan atau lebih dikenali dengan Qiraat Tujuh (قراءات سبعه).

Mengikut Muhammad Ali As-Shabuni (1970:249) menyatakan tujuh qiraat yang dinyatakan di atas adalah sebagai dasar untuk dilikuti bacaannya daripada tujuh orang guru Al-Quran yang masyhur, kerana mereka memberi panduan cara membaca dan mengajar orang ramai dalam membaca Al-Quran, dan setiap orang daripada mereka (tujuh orang guru) tersebut masing-masing

mempunyai ramai murid. Bacaan tujuh orang guru tersebut dinamakan qiraat (قراءات) dan bacaan murid-murid yang belajar dari guru tersebut dinamakan rawi atau riwayat. Nama-nama guru dan murid-murid tersebut seperti pada Lampiran A.

Tujuh daripada guru bacaan itu yang paling banyak digunakan sehingga kini ialah cara bacaan Hafs (حفص) yang diambil dan dipelajari daripada gurunya yang bernama Asim (عاصم) mengikut As-Shabuni (1970:249) dan Haji Ishak (1988:17).

### **Kemahiran Membaca Al-Quran Tingkatan Satu**

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dibahagikan kepada dua bidang utama, iaitu bidang tilawah Al-Quran dan bidang Ulum Syariah. Bidang Tilawah Al-Quran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bidang tilawah yang telah diperuntukkan masa sebanyak 40 peratus daripada yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam (Sukatan Pelajaran Tingkatan Satu Pendidikan Islam KBSM). Bidang tilawah ini terbahagi kepada dua aspek seperti berikut:

- i. Membaca ayat-ayat Al-Quran dengan betul mengikut hukum-hukum tajwid serta memahami secara keseluruhan ayat-ayat tertentu berdasarkan tajuk-tajuk yang sesuai.

- ii. Menghafal ayat-ayat tertentu mengikut hukum tajwid untuk amalan doa, wirid dan tahlil.

Wan Bakar (1991) menyatakan objektif tilawah Al-Quran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah adalah seperti berikut:

- i. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal Al-Quran dengan baik dan fasih.
- ii. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal Al-Quran di sekolah dan juga di luar sekolah.
- iii. Melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan Al-Quran.
- iv. Melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati Al-Quran dalam kehidupan individu dan berjemaah.

Daripada objektif-objektif di atas, jelaslah bahawa pelajar-pelajar dikehendaki membaca Al-Quran dengan betul mengikut hukum-hukum tajwid. Namun begitu hasil dari perbincangan penulis dengan pegawai, Unit Pendidikan Islam, Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan pada 17.5.1994 menyatakan hasil kajiannya terdapat 10% pelajar-pelajar yang tidak boleh membaca langsung, lima puluh peratus pelajar boleh membaca, tetapi banyak melakukan kesilapan semasa membaca seperti berikut:

- i. Sebutan huruf.
- ii. Tajwid.
- iii. Bacaan kurang lancar.

Masalah di atas disokong oleh kajian Muhamad Endut (1992) melaporkan murid tidak tahu membaca Al-Quran min 4.38 sisihan lazim 0.85. Hasil kajian beliau menunjukkan 33 daripada 96 masalah tertentu dipersepsikan sebagai masalah utama. Terdapat satu masalah am dianggap sebagai masalah utama iaitu tilawah Al-Quran. Satu demensi lagi masalah utama iaitu penggunaan tulisan jawi. Mengikut Muhamad Endut (1992) masalah tilawah Al-Quran dan tulisan jawi merupakan dimensi yang paling banyak menimbulkan masalah dan perlu diberi perhatian.

Rahman Arshad (1987) pula menyatakan antara masalah pendidikan Islam yang sering diperkatakan di sekolah ialah pelajar-pelajar kurang berminat terhadap pendidikan Islam. Masalah-masalah tersebut bolehlah dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Mutu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam disekolah masih berada ditahap yang rendah.
- ii. Kurangnya motivasi murid dalam mempelajari pendidikan Islam.
- iii. Murid-murid diperingkat sekolah rendah dan menengah masih ramai yang buta Al-Quran.

Kajian di atas disokong oleh kajian Azman Wan Chik (1986) yang mendapati 75 peratus daripada 995 orang pelajar tingkatan dua dan empat di sepuluh buah sekolah menengah yang tidak begitu berminat dengan pelajaran Agama Islam. Beliau membuat kesimpulan bahawa keadaan bilik darjah bagi

mata pelajaran Agama Islam bolehlah diumpamakan sebagai satu bilik dimana orang yang berada di dalam ingin hendak keluar dan orang yang diluar tidak berminat untuk masuk ke dalam. Ini menunjukkan kurangnya motivasi pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan juga pengajaran Pendidikan Islam.

Che Pee Saad (1993) pegawai di Bahagian Pendidikan Islam, menyatakan hasil dari mesyuarat, perbincangan, pengamatan, dan penyelidikan didapati bahawa pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menghadapi berbagai-bagai masalah. Antaranya ialah :

- i      Sebahagian pelajar tidak dapat membaca dengan baik pada peringkat KBSR.
- ii     Sebahagian pelajar tidak dapat menguasai jawi dengan baik pada peringkat KBSR.

Madiyah Mohamad (1992) dalam latihan ilmiahnya mendapati masalah ketara bagi pelajar untuk mendalami Al-Quran disebabkan oleh masalah tulisan dan bacaan jawi yang menyebabkan:

- i.      Pelajar kurang lancar membaca Al-Quran.
- ii.     Pelajar lemah dalam memahami hukum-hukum tajwid.
- iii.    Pelajar tidak boleh menguasai bacaan dan tulisan jawi.
- iv.    Pelajar lemah dalam sebutan huruf (makhraj huruf).
- v.     Sebahagian pelajar tidak boleh membaca Al-Quran langsung.

Ab. Razak Othman (1988) dalam latihan ilmiahnya merumuskan pendidikan Islam kurang mencapai matlamat yang dirancangkan, atas beberapa sebab kelemahan murid yang dikenalpasti:

- i. Masa 30 minit untuk satu pengajaran Asuhan Membaca Al-Quran tidak mencukupi.
- ii. Murid-murid terlalu ramai dalam satu kelas pendidikan Islam, guru tidak dapat memberi perhatian kepada semua murid.
- iii. Ayat-ayat yang digunakan dalam sukatan terlalu tinggi.
- iv. Tidak mempelajari Al-Quran di rumah, hanya mempelajarinya di sekolah sahaja.
- v. Tidak ada kelas tambahan dalam membaca Al-Quran.

Rosnawati Umar (1993) dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk, Pembelajaran Tilawah Al-Quran di Sekolah Menengah Agama Sheikh Haji Othman, Kuching, Sarawak, mendapati kemampuan pelajar-pelajar dalam tilawah Al-Quran di sekolah tersebut adalah memuaskan pada keseluruhannya. Namun begitu terdapat segelintir pelajar yang tidak boleh membaca Al-Quran langsung. Beliau beranggapan puncanya kerana pelajar-pelajar tersebut tidak didedahkan dengan pembelajaran tilawah Al-Quran dari kecil lagi.

Rodziah Bakar (1991) mengkaji bentuk-bentuk pengajaran Al-Quran di Pulau Pinang mendapati masih banyak kelemahan di kalangan pelajar Islam Pulau Pinang dalam pengajaran Al-Quran. Faktor-faktor kelemahan dalam membacq Al-Quran dengan cara yang betul (sebutan huruf dan hukum tajwid)

antara sebabnya ialah:

i. **Sikap pelajar:**

Terdapat 75 peratus pelajar tidak menghadiri kelas pengajian Al-Quran disebabkan tidak ada kawan untuk diajak ke kelas pengajian.

ii. **Sikap ibubapa:**

Terdapat 60 peratus daripada ibu bapa yang menyerahkan sepenuh mendidik anak-anak mereka kepada guru Al-Quran. Ibu bapa tidak mengambil berat tentang pencapaian anak-anak mereka. Anak-anak hanya membaca di hadapan guru tanpa mengulangkaji di rumah.

Kajian di atas disokong oleh kajian Saripah Rodiah Ibrahim (1989) meninjau pengajian Al-Quran di kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan, mendapati umat Islam hari ini adalah jauh ketinggalan dalam pengajian Islam berbanding dengan zaman awal kedatangan Islam. Beliau mencadangkan agar Pendidikan Islam hendaklah diberi seawal mungkin kepada anak-anak Islam, dan hendaklah memberi kesedaran kepada umat Islam tentang pentingnya belajar membaca Al-Quran.

Safinah Yaakob (1992) menjalankan kajian ke atas siswi-siswi Akademi Islam, Universiti Malaya tentang pembacaan Al-Quran secara tartil. Hasil kajiannya menunjukkan majoriti siswi Akademi Islam telah mempelajari tajwid

bermula dari sekolah menengah lagi walaupun tidak secara intensif. Daripada kajiannya beliau mendapati siswi-siswi yang mendapat pendidikan dari sekolah agama kerajaan negeri mempunyai asas yang lebih kuat dalam mempelajari tajwid berbanding dengan sekolah bantuan Kerajaan Persekutuan. Hasil kajiannya juga menunjukkan siswi-siswi yang diuji masih kurang mahir dalam hukum-hukum tajwid terutama hukum-hukum mad. Saranan beliau supaya kelas bimbingan khusus diwujudkan oleh fakulti dan dijadikan kelas tutorial yang boleh dipilih waktu yang sesuai oleh siswi-siswi. Saranan lain ialah mempelajari tajwid dijadikan satu mata pelajaran khusus untuk semua pelajar Akademi Islam.

Nor Kamaliah Mohamad (1987) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk: "Satu Kajian Mengenai Kaedah Baru Pengajian Al-Quran Di Kelantan, Masalah dan Pencapaiannya", mendapati Kaedah Pengajaran Cara Baru (keluaran Jabatan Agama Islam, Kelantan) memberi peningkatan dalam pembacaan di kalangan kanak-kanak. Selain dari mampu membaca Al-Quran, kanak-kanak yang menggunakan kaedah baru boleh menulis Jawi dan khat (tulisan) Arab yang cantik. Melalui kaedah baru keluaran Jabatan Agama Islam Kelantan telah meningkatnya kanak-kanak yang di bawah umur enam tahun menghafal surah-surah lazim dengan bacaan bertajwid, mengikut Nor Kamaliah Mohamad (1987).

Nor Hafsa Ismail (1991) dalam kajiannya mendapati ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjaga dan mendidik anak-anak

seperti yang telah dikemukakan oleh Al-Quran dan As-Sunnah. Peranan ibu bapa ini meliputi memberi nafkah kepada anak-anak, memberi pendidikan Al-Quran, aqidah, akhlak, pendidikan jasmani dan segala bentuk pendidikan yang diperlukan untuk kanak-kanak sesuai dengan zamannya. Tugas mendidik merupakan amanah Allah kepada ibu bapa yang akan diperhitungkan di akhirat kelak. Firman Allah di dalam Al-Quran:

وَعَلَى الْمُؤْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

(Al-Baqarah, ayat:233)

Maksudnya:

Dan di atas yang mendapat anak (bapa) menyediakan makanan dan pakaian secara berpatutan.

Dalam ayat ini menjelaskan, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak dalam menyediakan makanan dan pakaian, tempat tinggal dan memberi pendidikan. Ini merupakan perkara-perkara asas untuk keperluan anak-anak. Dalam hal ini sosioekonomi keluarga nampaknya memainkan peranan dalam keperluan anak-anak terutama dalam pencapaian pelajaran.

Pada keseluruhannya kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan teori bacaan, matlamat dan tujuan pendidikan Al-Quran, teknik-teknik dan

metod pengajaran Al-Quran serta kajian-kajian yang berkaitan dengan kemahiran membaca. Kajian mengenai kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah amat kurang dijalankan, terutama dalam bidang sebutan dan tajwid. Namun demikian guru-guru pendidikan Islam boleh memanfaatkan dapatan-dapatan dari kajian-kajian lain yang dibuat berkaitan dengan kemahiran dan kaedah membaca dalam pengajaran bahasa Melayu. Pengubahsuaian boleh dilakukan pada kaedah dan teknik pengajaran Pendidikan Islam mengikut kandungan, kesesuaian masa dan bahan pengajaran.